



93-2360

YANG BERHORMAT
HJ ABDUL HADI AWANG

ANTARA
WAWASAN
DAN
JUMUD

PERPUSKANDAN NEGARA MALAYSIA

23 JUL 1993

Cetakan pertama: ... Januari, 1993

© Hakcipta Haji Abdul Hadi Awang

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan Isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakanan atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

Muka Taip Teks : Times
Saiz Taip : 11 X 13.2

Diterbitkan oleh:
Lujnah Penerangan Dan Dakwah
PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau,
Pulau Pinang.
Tel: 04-843543

Dengan kerjasama:
GG EDAR
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City,
53000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4227325

Atur huruf:
LUKMAN TYPESETTING
Tel: 03-4110928

Pencetak:
BROTHER PRESS LTD. PART
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

m
324.209595
AHA

APB 721333

Kandungan

● Dari Penerbit	5
● Alu-aluan	6
● Sedikit Tentang YB	14
● Antara Wawasan Dan Jumud	15
1. Wawasan	15
2. Program Pembangunan	17
3. Kerohanian	20
4. Kelantan	22
5. Gangguan Politik	24
6. Projek Mewah	27
7. Sistem Ekonomi bebas	34
8. Kepentingan Rakyat	36
9. Pertahanan	43
10. Keamanan... ..	45
11. Pembinaan Insan	54
12. Syariat Islam	59
13. Bukan secara Jumud	66

● LAMPIRAN

Antara Program PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau yang telah disiarkan oleh akhbar-akhbar.

- i) Sukan Rakyat PAS Balik Pulau dapat 73
sambutan hangat
Harakah 19 Julai 1991
- ii) PAS Balik Pulau lancar Pasar Negara 76
Harakah 6 September 1991
- iii) Ketua Menteri Melayu: PAS sedia bantu BN ... 78
Watan 11 September 1991
- iii) Jaminan Kerajaan PAS laksana hukum Islam: ... 80
Bukan Islam jangan risau
Watan 11 September 1991
- iv) Umat Islam dijemput lawat Kelantan 82
Watan 11 September 1991
- v) Pasar Negara anjuran PAS 83
Watan 11 September 1991
- vi) Merdeka apabila terima Islam 84
— Muhammad Husein
Watan 11 September 1991
- vii) PAS-PRM gabung tenaga 86
Harakah

Dari Penerbit

DENGAN Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyanyang. Allamdulillah syukur, inilah risalah penerangan dan dakwah yang pertama di terbitkan dalam bentuk buku oleh PAS Kawasan Balik Pulau. Penerbitan seperti ini akan berterusan mengikut suasana dan isu semasa.

Di samping ianya bertujuan untuk penerangan di kalangan ahli dan masyarakat, juga untuk menambahkan kewangan bagi melengkapkan buku-buku di perpustakaan PAS kawasan. Sumbangan pembaca dengan membeli buku ini atau menyumbangkan buku-buku lain dan kewangan untuk perpustakaan tersebut sangat-sangat dialu-alukan. Tiap sumbangan boleh diberi atas nama:

Bendahari

PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau

CG-4, Taman Bukit Jambul Jalan Tun Dr. Awang,

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: 04-843543.

Harap maklum, Sekian, terima kasih.

Zulkifli Md. Lazim

Pengerusi Lujnah Penerangan Dan Dakwah

PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau

Pulau Pinang.

Kata Aluan

ISLAM adalah agama sejagat yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul-Nya untuk manusia dan alam semesta. Islam bukanlah merupakan agama yang mengatur perhubungan manusia dengan Allah semata-mata, tetapi ianya mempunyai ruang lingkup yang lebih luas dan menyeluruh. Adalah salah jika kita cuba menyempitkan pengertian Islam sebagai agama yang hanya berkisar di sekitar ibadat semata-mata.

Penghayatan Islam yang sempurna adalah mengikut garis-garis yang ditetapkan oleh syariah. Syariah Allah adalah merupakan nadi bagi penghayatan Islam. Syariah Allah merangkumi semua aktiviti manusia, bermula dari peraturan yang berkaitan dengan aqidah, ibadat dan akhlak hinggalah kepada urusan harian, politik dan kenegaraan. Sebagai Muslim, kita berkewajipan menghayati Islam dengan sepenuhnya demi untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Kerana itulah maka perjuangan PAS ialah untuk menegakkan Islam sebagai sistem kehidupan yang lengkap sempurna merangkumi aqidah, akhlak, ekonomi, kemasyarakatan, kekeluargaan dan politik kenegaraan. Sumber-sumber perundangan Islam yang didasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, Qiyas dan kaedah-kaedah syarak lain adalah pegangan ideologi serta kefahaman yang menjadi landasan pergerakan dan harakah PAS.

Pendapat, ijtihad para ulama, imam-imam muktabar, adalah dihormati dan disanjung tinggi sebagai sebahagian daripada penghormatan, sanjungan serta keyakinan kepada ilmu pengetahuan merupakan unsur kehidupan yang penting. Realiti kehidupan dan suasana tempat hendaklah diambil kira di dalam memahami sesuatu perkara, menggerakkan sesuatu langkah dan usaha. Tetapi realiti itu sendiri, bukanlah suatu yang kudus suci di mana ianya terdedah kepada perubahan dan boleh diusahakan untuk merubahnya.

Oleh yang demikian, keadaan realiti tidaklah dijadikan sesuatu yang dipuja sehingga dipercayai, diletakkan di tempat tertinggi sebagai ukuran menilai benar salahnya sesuatu perjuangan dan tindakan. Bahkan jika realiti itu bercanggah dengan dasar pokok perjuangan, iaitu Islam, realiti tersebut hendaklah diubah dan dihapuskan. Akal fikiran yang matang, cara berfikir ilmiah berasaskan kaedah-kaedah ijtihad, prinsip-prinsip syarak yang betul, adalah kekuatan yang dapat menyingkap kebenaran, dapat dimanfaatkan untuk memahami Islam dan hukum-hukum perjalanan alam serta realiti persekitaran yang melingkungi kehidupan manusia.

Di Malaysia hanya PAS satu-satunya parti politik yang memilih Islam sebagai dasar perjuangannya bagi melaksanakan syariat Allah dalam pemerintahan negara. Parti-parti politik lain, tidak meletakkan dasar perjuangannya berasaskan Islam sekalipun keanggotaan parti mereka dibuka kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam. Kerana pada pandangan mereka bahawa Islam tidak lebih dari agama beribadat sahaja, bukan untuk urusan negara dan pemerintahan.

Juga mereka beranggapan bahawa sebahagian daripada ajaran Islam hanyalah sesuai di zaman Nabi SAW dan para sahabatnya sahaja, tidak sesuai dilaksanakan lagi sekarang. Fahaman inilah yang mendorong mereka menolak Islam sebagai asas perjuangan. Seterusnya memusuhi PAS yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan. PAS berkeyakinan sekiranya memilih dasar yang lain daripada Islam sebagai dasar perjuangan politik samalah ertinya dengan menolak hukum-hukum Allah itu sendiri. Justeru itulah PAS telah memilih Islam sebagai dasar perjuangan, manakala al-Quran, al-Sunnah Rasulullah SAW ijmak ulama, qiyas dan kaedah-kaedah syarak lain sebagai panduan gerakannya.

Melaksanakan hukum Allah dalam bentuk ibadat seperti puasa, sembahyang, zakat, haji dan sebagainya agak mudah untuk dilakukan. Tetapi untuk melaksanakan hukum Allah yang lain seperti undang-undang, sistem ekonomi, politik, sosial dan sebagainya tidak mudah dilaksanakan, melainkan dengan diwujudkan sebuah 'pemerintahan' Islam.

Berdasarkan kepada hakikat ini, adalah merupakan suatu realiti bahawa kuasa adalah menjadi syarat utama untuk melaksanakan hukum Allah. Sebab itu, perjuangan untuk mendapatkan kuasa pemerintahan adalah merupakan perkara yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim. Kuasa memerintah ini disebut sebagai kuasa politik. Kuasa politik yang sedemikianlah yang diperjuangkan oleh PAS selama ini.

Kuasa politik adalah merupakan wasilah untuk melaksanakan hukum Allah. Hukum Islam tidak akan terlaksana dengan sendirinya kecuali melalui Institusi pemerintahan. Pemerintah yang memperjuangkan hukum Islam sahaja yang

dapat memberikan jaminan tentang pelaksanaan hukum Allah. Dengan itu, PAS telah memilih jalan perjuangannya melalui parti politik yang berlandaskan Islam sebagai dasar untuk menuju ke tampuk pemerintahan secara Islam. Oleh yang demikian, apa yang diperjuangkan oleh PAS hendaklah disokong oleh setiap golongan masyarakat, terutama sekali umat Islam di negara ini.

Matlamat perjuangan PAS adalah jelas dan menyeluruh. Bukan sekadar untuk membela bangsa dan negara seperti yang diperjuangkan oleh parti-parti politik lain. Tetapi bertujuan untuk menegakkan Islam dan hukum Allah yang lebih memberikan jaminan dan keadilan kepada semua tanpa mengira keturunan dan agama.

Bagi PAS, politik adalah sebahagian dari agama. Politik tidak mungkin dipisahkan dari agama. PAS tidak dapat menerima dasar pemisahan antara agama dan politik atau agama adalah urusan individu. Politik adalah sebahagian daripada ajaran agama maka secara langsung perjuangan politik untuk menegakkan Islam adalah sebahagian daripada tuntutan agama. Mereka yang sama-sama mendokong perjuangan politik bagi menegakkan Islam dianggap sebagai gabungan yang menjunjung patuh kepada perintah Allah dan Rasul-Nya.

Sebenarnya sejarah pemisahan tersebut atau sekularisme di Tanah Melayu, bermula dari penjajah Inggeris. Raffleslah yang mula-mula menganjurkan pengasingan Bahasa Melayu dari pelajaran Al-Quran. Pemisahan yang lebih menyayat hati lagi dilaksanakan di dalam perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Perjanjian yang memisahkan antara urusan pentadbiran

negara yang dikuasai oleh Residen Inggeris dan soal-soal agama yang dicampurkan dengan istiadat Melayu diserahkan kepada Raja-raja Melayu.

Perjanjian yang di perluaskan lagi dengan terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1895, Negeri Tidak Bersekutu bermula dengan Kelantan 1910, Johor 1914, Terengganu 1919, Kedah 1923 dan Perlis 1930. Raja-raja Melayu dinyatakan diberi kebebasan dalam soal-soal agama. Tetapi sebenarnya Inggeris juga turut campur tangan, walaupun ianya selaras dengan matlamat mereka untuk mensekularkan sistem pentadbiran Tanah Melayu. Lebih malang lagi bila ajaran pemisahan agama dari negara ini terus disemaikan dan dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan apabila diisytiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu pada 27 Ogos 1957, setelah berlaku pemisahan antara UMNO dan PAS. PAS memilih dasar perjuangan yang bukan assabiyah, kebangsaan atau perkauman.

Dasar perjuangan PAS tetap Islam. Iaitu agama yang menjamin kebahagiaan dan keadilan kepada dunia seluruhnya. Adalah salah kalau dikatakan bahawa PAS sebagai sebuah parti perkauman. Justeru itu, PAS akan terus berjuang mempertahankan yang hak tanpa mengira kaum dan agama sepertimana dituntut oleh Allah. Islam yang menjadi dasar perjuangan PAS tidak pernah mengajar ummatnya supaya bencikan orang-orang bukan Islam. Apa yang diajar oleh Islam ialah supaya menjaga kepentingan manusia. Kerana itu peranan PAS bukan hanya setakat menjaga, melindungi orang bukan Islam, malah akan memberikan hak-hak mereka selagi mana ianya tidak bercanggah dengan nilai-nilai keadilan dan

kemanusiaan.

Walaupun ramai yang meragui tentang perjuangan PAS. Mereka menganggap PAS hanya berkhayal dalam mencapai cita-citanya untuk menegakkan negara Islam. Kita yakin, sebenarnya tidak mustahil bagi PAS untuk mendapatkan kuasa memerintah di negara ini. Walaupun ada yang menyatakan negara ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum atau masyarakat majmuk, kiranya semua golongan masyarakat memahami dan mengenali keluhuran Islam yang diperjuangkan oleh PAS.

Keyakinan ini dikuatkan lagi dengan jaminan Allah dalam Al-Quran bahawa suatu hari nanti Islam pasti akan diberi kemenangan. Apa yang diperlukan ialah penglibatan seluruh masyarakat, terutama umat Islam dalam perjuangan yang dibawa oleh PAS.

Kita yakin kerana kekuatan PAS sebenarnya terletak pada kekuatan jiwa tiap-tiap ahlinya. Jika yang kuat berbekalkan iman yang mantap akan membuahkan pengorbanan dan amal bakti yang sihat kepada parti. Maka setiap ahli hendaklah bertanya dirinya apakah sumbangan yang dapat diberikan kepada PAS bagi memenuhi tanggungjawab sebagai ahli. Adalah salah anggapan bahawa dengan menyertai PAS akan mendapat kepentingan peribadi. Hasrat dan niat begini akan mengecewakan diri sendiri dalam perjuangan suci ini.

Niat yang merupakan asas amalan hendaklah dibetulkan. Kerana pahala seseorang itu akan dinilai berdasarkan kepada niatnya. Kepentingan yang akan diperolehi dari perjuangan PAS ialah keagungan dan kedaulatan Islam itu sendiri.

Apa yang penting kepada ahli PAS, tugas pertama ialah memahami dasar perjuangan PAS supaya dapat dihayati sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab ahli dan penyokong supaya menyokong dasar perjuangan Islam yang didukung oleh PAS. Maka dengan itu menghayati ajaran Islam bermula dengan diri sendiri, keluarga dan masyarakat perlulah diwujudkan. Penghayatan ini akan berjalan serentak dengan perjuangan menegakkan pemerintahan secara Islam dalam negara.

PAS menyeru agar kewajiban terhadap agama janganlah diabaikan. Akhlak Islam mestilah dipelihara. Di samping itu ahli PAS hendaklah terus melibatkan diri dengan mempelajari, memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Andai apa yang dinyatakan di atas dapat dilakukan dengan baik maka Insya Allah cita-cita untuk menegakkan negara Islam akan tercapai. Seorang ahli PAS, hendaklah sentiasa mendampingi para ulama, juga mesti patuh kepada arahan pucuk pimpinan dari semua peringkat.

Kerana melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan harian individu, masyarakat juga negara yang menuju kepada keredhaan Allah adalah matlamat utama perjuangan Islam. Jika ini tidak dilakukan, masyarakat tidak akan menaruh keyakinan terhadap cita-cita untuk menegakkan sebuah negara Islam.

Keazaman yang tinggi dan kesabaran yang tebal serta ketabahan hati merupakan senjata utama dalam mendorong untuk mencapai matlamat murni yang sedang kita terokai. Maka berkewajipanlah setiap individu Muslim meningkatkan perjuangan suci ini. Kita juga mesti berusaha dengan

bersungguh-sungguh untuk memastikan perjuangan Islam terus meningkat maju dan berjaya mencapai cita-cita. Usaha menerbitkan risalah ini juga adalah termasuk dalam hal tersebut.

Sekian, wassalam.

Hj. Muhammad Hj. Hashim

YDP PAS

Kawasan Parlimen Balik Pulau,

Pulau Pinang.

Januari 1993.

Sedikit Tentang YB

HAJI Abdul Hadi Awang adalah tokoh Gerakan Islam Malaysia yang tidak asing lagi. Beliau dilahirkan di Kampung Rusila, Marang, Terengganu dalam sebuah keluarga ilmuwan Islam. Bapanya, Haji Awang Abdul Rahman adalah antara perintis perjuangan Hizbul Muslimin bagi Negeri Terengganu, sebelum PAS ditubuhkan.

Setelah menamatkan pengajian peringkat menengah rendah di Sekolah Agama Marang, Haji Abdul Hadi melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Semasa berusia 21 tahun, beliau mendapat tempat di Universiti Islam Madinah. Kira-kira empat tahun kemudian, Haji Abdul Hadi berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah Islam.

Seterusnya beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir dalam jurusan As-Siasah Asy-Syar'iyah.

Beliau pulang ke tanahair pada tahun 1976 dan terus bergiat cergas dalam politik PAS di peringkat Negeri Terengganu dan Kebangsaan.

Kini beliau adalah Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat, di samping menjadi Ahli Parlimen PAS Kawasan Marang.

ANTARA WAWASAN DAN JUMUD

PETIKAN ucapan YB Haji Abdul Hadi Awang di Parlimen pada 2 dan 3 November 1992 dalam membahaskan belanjawan negara.

1. Wawasan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Kenyataan dan azam Kerajaan yang ditegaskan oleh Menteri Kewangan dan menyampaikan ucapan belanjawan supaya dapat diambil kesempatan daripada kedudukan ekonomi yang kukuh untuk melakukan perubahan struktural yang berani supaya dapat mencapai tiga perkara:

- i) Melonjak ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.
- ii) Dapat meringankan jika ada tekanan-tekanan luar biasa terhadap pertumbuhan masa depan ekonomi negara.
- iii) Mempertahankan kemampuan dan membina ketahanan ekonomi melalui disiplin dalaman.

Bagi merealisasikan kenyataan ini supaya menjadi

kenyataan bukan sahaja mengambil kira kewangan yang cukup kerana ianya boleh diatasi sama ada dengan kemasukan yang mencukupi atau melalui pinjaman dari mana-mana pihak yang mempunyai apa-apa kepentingan daripada perkembangan yang berlaku di dalam negara ini.

Tetapi yang penting dari itu ialah implikasinya kepada politik, ekonomi dan sosial. Ianya berpunca daripada dasar pengurusan sikap dan kepekaan semua pihak dari kalangan semua lapisan di dalam Kerajaan sama ada dari badan Legislative dan juga Eksekutif.

Dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, semua pihak diberi peluang untuk mengemukakan pandangan dan teguran terhadap belanjawan negara, kerana sebarang perkembangan yang menjadi ekor daripada akan di alami dan dirasai baik-buruknya oleh semua pihak dan memberi kesan kepada wawasan yang diperjuangkan.

Belanjawan yang tidak bertema pada tahun ini menjadi sebahagian daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam dan ke arah mencapai matlamat wawasan yang dislogankan, perlu mengambil pelajaran dan teladan daripada kejayaan tema-tema yang pernah dikemukakan, kesilapan dan kelemahan yang lalu, yang masih berulang hendaklah dihentikan dengan serta merta sekiranya benar-benar ikhlas dan berani dan tidak diberi kesempatan untuk para oportunis dari kalangan politik dan ekonomi yang berlaku apabila aspek-aspek keagamaan dan kerohanian masih tidak diambil kira untuk dijadikan dasar dan panduan bukannya untuk aktiviti-aktiviti sampingan dan sokongan semata-mata.

2. Program Pembangunan

Dalam melaksanakan program pembangunan, maka penekanan kepada pembangunan insan yang mesti dititik beratkan itu mestilah mengambil kira segala aspek yang merangkumi naluri manusia, rohani dan material individu dan masyarakat yang tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain, bukannya sekadar perseimbangan seperti yang selalu digembar gemburkan. Apa yang dilaksanakan sekadar perseimbangan dan dipisahkan secara perasingan di antara satu sama lain tidak akan menghasilkan peranannya untuk menjayakan program pembangunan negara dengan tepat dan menjadi punca masih berlakunya perkara-perkara negatif seperti tidak mengira halal dan haram secara takbur, penyelewengan politik wang tidak bertanggungjawab, penyalahgunaan kuasa seringkali berlaku dan tidak dapat diatasi.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan tidak seharusnya bersilap mata dari aspek-aspek lahiriah kerana kemampuan kewangan dan sumber-sumber ekonomi yang teguh kurang belanja mengurus dan pembangunan kerana sudah diketahui umum bahawa penyelarasan gaji dan perkara-perkara yang berkait dengannya telah diselesaikan dan kerana penswastaaan.

Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah bahawa pembangunan insan yang menjadi tunggak yang melahirkan masyarakat penyayang, budaya ikram tidak tercapai kerana aspek-aspek pembangunan insan yang mesti dilakukan secara menyeluruh dan tali menali di antara satu sama lain itu tidak dilaksanakan dengan tepat. Kerana masih terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Kerajaan tidak ingin dan berhasrat untuk melaksanakan Islam secara menyeluruh dalam aspek

pembangunan insan itu.

Kerajaan masih tidak menunaikan kewajipan mengharuskan perkara-perkara yang terang-terang menjadi punca maksiat seperti arak, judi, riba dan lain-lain. Perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam, satu-satunya agama yang menjadikan segala kegiatan manusia di dunia dikaitkan dengan perhitungan akhirat masih terus menerus diamalkan dan dibimbangkan akan menjejaskan ekonomi kalau ditinggalkan. Arak, minuman keras sekadar menaikkan cukai. Judi masih berleluasa. Bank Islam masih tertakluk kepada Akta Bank yang tidak memberi bidang dan ruang yang lebih luas untuk melakukan operasi muamalah secara Islam yang lebih luas.

Rancangan yang dikatakan untuk membuka kaunter muamalah secara yang menggalakkan ke arah menghapuskan riba sepenuhnya. Maka akal manusia mengatasi hukum Tuhan hanya perkara-perkara yang diharamkan oleh agama yang masuk akal sahaja diterima. Mana yang tidak masuk akal tidak boleh diterima dan ditanggungkan entah bila. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Syaitan menjanjikan kepada kamu kefakiran pada hal Allah SWT menjanjikan keampunan dan kurniaan daripada-Nya dan Allah SWT itu Maha Luas kurniaan-Nya lagi Maha Mengetahui.”

Tuan Yang di-Pertua, alasan memberi lesen judi kerana mengawal judi, membenarkan riba kerana mengawal riba samalah hujah menyediakan tandas untuk mengawal pembuangan air najis di merata tempat. Adalah satu contoh yang sangat tidak munasabah kerana terdapat perbezaan di antara

perkara-perkara tabii yang tidak boleh ditahan oleh manusia dan perkara yang dilakukan oleh manusia dan boleh ditinggalkan bila-bila masa sahaja. Adakah kita menyediakan lesen mencuri untuk mengawal pencuri dan lesen merompak untuk mengawal perompak dan lesen rasuah untuk mengawal rasuah.

Satu kias yang tidak betul sangat mendukacitakan apabila tindakan Kerajaan Angkatan di Kelantan mengharamkan penjualan arak dan pengharaman judi, mengikut bidang kuasa yang ada padanya di cemuhkan dan mendapat pandangan untuk mencabar, bukannya menyokong dan menggalakkan dan dianggap menghalang kemajuan, jumud dan Islam yang sempit, menyebarkan dakwah kepada pelabur-pelabur asing dengan menakut-nakutkan melalui berita pelaksanaan hukum hudud. Pada hal hukum hudud juga menjamin keamanan dan keselamatan pelabur-pelabur dan ditujukan kepada penjenayah-penjenayah, bukannya kepada pelabur-pelabur yang berniat baik.

Kita perlu menyedari bahawa perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam seperti arak, judi, riba, pergaulan bebas, pendedahan aurat dan segala bentuk penyelewengan merosakkan pembangunan insan, menghilangkan perasaan kasih sayang dan bersimpati di dalam masyarakat. Sebaliknya, membiarkan perkara itu walaupun sedikit boleh membuahkan rasa tidak bersimpati dan seterusnya benci-membenci di antara satu sama lain dan ternyata daripada menaikkan cukai minuman keras dan rokok menunjukkan bahawa Kerajaan lebih mementingkan wang semata-mata daripada akhlak rakyat dan kesihatan mereka.

3. Kerohanian

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya aspek kerohanian bukannya diadakan sekadar di masjid-masjid dan apabila perayaan Maal Hijrah, Maulidul Rasul dan ketika berada di masjid musabaqah membaca al-Quran. Tetapi mestilah pada setiap masa termasuk di dalam kegiatan, politik, ekonomi, pentadbiran dan kegiatan-kegiatan hidup yang lain kerana al-Quran dan Nabi Muhammad SWT bukan sahaja mengajar kita bersembahyang dan berzikir tetapi juga mendirikan negara, membentuk masyarakat dan manghadapi masyarakat yang paling majmuk dan segala kegiatan yang berlaku di dalamnya.

Ajaran yang memisahkan Islam dengan politik, ekonomi dan lain-lain adalah teori yang diimport oleh penjajah ketika mereka menakluk kita dahulu dan dipengaruhi oleh perasaan ketuanan kepada penjajah dan bekas penjajah yang masih bermain di dalam pemikiran sebahagian daripada umat yang di jajah. Sepatutnya kita mengambil iktibar daripada keruntuhan ideologi-ideologi timur dan barat yang melanda manusia kini dan sudah tiba masanya kita memahami Islam dengan betul.

Saya mengalu-alukan penubuhan Institut Kefahaman Islam (IKIM) tetapi kefahaman Islam yang betul itu mestilah melalui sumbernya yang betul dan amanah di samping dapat menterjemahkan Islam itu kepada situasi dan realiti semasa, mestilah daripada sumber wahyu yang asal, hadis-hadis yang saheh, melalui riwayat yang saheh dan dengan bahasa asalnya yang betul dan memahami sebab-sebab ia diturunkan dan memahami prinsip-prinsip umum dan khusus dari salurannya yang sangat amanah, yang beriman dengan benar-benar, berilmu

dengan tepat dan beramal dengan ikhlas. Kalau di zaman dahulu, disebut dengan riwayat yang saheh dengan syarat-syaratnya.

Di zaman kini terdapat mereka yang menerima ilmu Islam, orang-orang sekular, ulama-ulama yang menuntut ilmu dengan orientalis walaupun mendalami ilmu Islam tetapi mengemukakan Islam secara meracuni pemikiran dan menjahanamkan aqidah, bukannya kefahaman yang tepat dan ikhlas terhadap Islam. Walaupun masalah ikhlas merupakan perkara abstrak maknawi, kita tidak melihat isi hati manusia tetapi hendaklah mengetahui bahawa ciri-ciri ikhlas dan serius dalam perkara ini dengan tidak meletakkan kefahaman-kefahaman yang mengampu kepada pemimpin-pemimpin dan keadaan yang tidak betul sehingga menundukkan Islam itu kepada akal manusia semata-mata bukannya untuk dijadikan petunjuk aqidah, dasar dan cara hidup.

Di sana terdapat dengan terang dan nyata tindakan-tindakan dan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan slogan masyarakat penyayang dan budaya ikram yang pernah menjadi slogan di mana pihak Kerajaan Pusat yang dikuasai oleh parti Barisan Nasional bertindak secara tidak rasional dengan mengambil langkah yang menggalakkan permusuhan dan perpecahan dengan negeri yang diperintah oleh pembangkang, apabila negeri Kelantan di perintah oleh Angkatan Perpaduan Ummah yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya yang sah, yang dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang diiktirafkan oleh pihak Kerajaan Pusat dan parti yang memerintahnya tetapi seolah-olah pula tidak mengiktiraf hakikat keputusan pilihanraya

umum itu apabila terdapat kenyataan-kenyataan yang mengecam, mengugut dan mengancam terhadap Kerajaan Negeri Kelantan dan para pemimpinnya, mengambil langkah melantik pegawai Persekutuan untuk mengendalikan urusan pentadbiran secara bersendirian, mewujudkan dua saluran pentadbiran kerana kononnya kebimbangan berlakunya penyelewengan pentadbiran negeri Kelantan.

4. Kelantan

Tidakkah sudah ada saluran tindakan melalui saluran undang-undang dan pentadbiran sekiranya berlaku penyelewengan oleh Kerajaan Negeri? Ada BPR, ada mahkamah, ada Jabatan Setiausaha Negara dan lain-lain. Apa yang sebenarnya berlaku ialah campurtangan politik yang memerintah Kerajaan Pusat ke atas Kerajaan Negeri. Pada hal di sana mestilah ada perbezaan di antara parti yang menjadi Kerajaan yang sedang memerintah dan tindakannya ketika menjadi parti yang bersedia untuk bertanding pilihanraya. Dua keadaan ini mestilah dibezakan.

Sekiranya ada apa-apa penyelewengan daripada Kerajaan Negeri Kelantan, mengapa tidak dinyatakan, diambil tindakan melalui saluran-saluran pentadbiran dan undang-undang. Tidakkah di sana ada peruntukan-peruntukan wajib ditunaikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri yang menjadi hak kepada semua negeri di dalam Persekutuan Malaysia tanpa dikhususkan parti yang memerintahnya. Kerajaan Negeri juga membayar cukai-cukai dan sebagainya yang mesti ditunaikan kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri lain juga ada membuat pinjaman, bukan sahaja Kelantan.

Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan

dapat menyatakan kepada Dewan ini berapakah hutang semua Kerajaan Negeri dan dinyatakan pembayarannya mengikut negeri-negeri bahkan hutang yang dibebankan ke atas Kelantan adalah hasil tindakan di masa pemerintahan Barisan Nasional. Apakah kerana yang diperuntukkan kepada negeri-negeri mengambil kira masalah kemiskinan dan sebagainya?

Perkara-perkara yang dilakukan itu adalah menggalakkan perpecahan, bukannya menyuburkan kasih sayang dan semangat perpaduan dan integrasi nasional dan tidak mempunyai semangat bumiputera atau penerapan nilai-nilai Islam seperti yang dilaung-laungkan. Apa salahnya sekadar memberi masa kepada Angkatan Perpaduan Ummah untuk menunjukkan contoh-contoh dasar dan caranya, yang baik boleh dijadikan teladan dan yang tidak baik boleh ditegur dan dikritik secara membina atau diambil tindakan mengikut caranya yang tepat dan adil.

Adalah tidak wajar Barisan Nasional menunjukkan contoh-contoh yang tidak sihat dan bercanggah dengan prinsip demokrasi dan kebebasan hak. Tidakkah Perdana Menteri membuat kenyataan baru-baru ini bahawa rakyat Kelantan tidak berdosa dan mereka perlu dibantu seperti rakyat negeri lain. Adalah disedari juga bahawa menjadi hak mereka melalui pilihanraya yang lalu memilih Angkatan Perpaduan Ummah. Wakil-wakil rakyat mereka yang masih teguh adalah dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya yang sah, bukannya dibeli dari melompat. Apakah Barisan Nasional tidak sabar menjadi pembangkang seperti kami hanya beberapa tahun dan apa salahnya diberi hak tanpa tekanan dan ugutan kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

5. Gangguan Politik

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang perlu diberi perhatian juga di dalam melaksanakan program pembangunan negara dalam segala bidangnya ialah gangguan dan campurtangan politik secara melulu kepada pihak pentadbiran kerana bertujuan untuk memelihara kepentingan orang-orang yang tertentu dan golongannya tanpa mengambilkira kepentingan nasional seluruhnya. Sama ada tidak memberi hak pentadbiran tanpa gangguan kepada pihak pentadbir di jabatan-jabatan Kerajaan untuk memberi pandangan-pandangan dan sikap mereka sendiri terhadap sesuatu perkara dengan cara adil dan bukannya secara melulu menyebabkan terhalangnya kenaikan pangkat dan berlakunya pertukaran kerana tidak senang hati bukannya kerana kepentingan pentadbiran atau memaksa meluluskan sesuatu perkara untuk orang politik atau anak buahnya. Bukan maksud saya sehingga tidak memberi peluang langsung kepada anggota keluarga pemimpin untuk berniaga dan sebagainya kerana mereka juga mempunyai hak untuk bekerja dalam semua lapangan tetapi mestilah melalui salurannya yang betul dan kelayakannya, bukannya kerana keistimewaan dirinya kerana hubungan peribadi tanpa mengambil kira kelayakannya.

Terdapat juga mereka yang mencari untung dari kalangan orang-orang yang tertentu yang mempunyai kedudukan yang tinggi. Contohnya dia telah mengetahui dari awal lagi di sesuatu kawasan itu akan dimajukan atau sengaja menempatkannya di suatu tempat lalu dia memintas membeli tanah rakyat atau mengambil tanah yang diluluskan dengan mudah dan cepat dengan harga yang murah. Apabila tiba masanya

maka dialah yang meraih keuntungan daripada pembangunan di tempat itu. Rakyat biasa diperbodohkan dan dilakukan menjadi bodoh.

Contohnya, ada satu kawasan di negeri Pahang yang diperuntukkan kepada PEWAJA yang berpusat di Terengganu, sudah ada orang-orang yang tertentu di kalangan orang-orang politik paling atas mengambil tanah di kawasan tersebut. Saya tidak tahu tujuannya memindahkan projek asalnya di Terengganu dan dipindahkan ke tempat tersebut sama ada untuk meraih untung daripada harga tanah belian dan pembayaran baliknya atau akan melibatkan diri dengan projek tersebut secara langsung. Walau bagaimanapun, perkara ini sudah menjadi perbualan umum.

Pihak Kerajaan sudah tentu mengetahui hakikat yang sebenar daripada perkara ini dan tahu adanya perkara yang tidak kena pada tempatnya. Adalah tidak wajar untuk mencapai kejayaan dan ianya lebih membawa rasa tidak senang hati di kalangan rakyat dan menimbulkan ketidakpercayaan dan tidak ada simpati dan kasih sayang di antara satu sama lain maka slogan masyarakat penyayang yang dilaungkan pada tahun yang lalu akan berlalu begitu sahaja dan tidak menjadi tangga kepada pencapaian belanjawan tahun ini dan akan datang sehingga ia diadakan dengan tidak payah bertema lagi.

Politik wang terus menerus menghantui dan mendidik masyarakat, apabila belanjawan yang dikemukakan akan dilaksanakan lebih kepada tujuan politik daripada tujuan menunaikan kewajipan. Apabila pengagihannya tidak mengikut tuntutan rakyat tetapi lebih kepada tuntutan

kekuatan perebutan kepimpinan dalam parti UMNO dan rakan-rakannya yang menjadi komponen pemerintah dan perebutan untuk kemenangan parti dalam pilihanraya umum dan meraih keuntungan kewangan tanpa moral dan matlamat yang sebenarnya. Pertandingan kepimpinan dalam parti seringkali berlaku bila-bila masa, tetapi janganlah dikaitkan dengan mengambil kesempatan daripada pentadbiran negara dan pelaksanaan rancangannya.

Begitu juga dengan pilihanraya umum dan pilihanraya kecil. Kewangan negara tidak seharusnya digunakan bagi menggerakkan jentera Kerajaan menjadi sebahagian daripada jentera pilihanraya. Begitu juga dengan mencari keuntungan hendaklah juga diselaraskan dengan kepentingan rakyat. Contohnya terlalu banyak projek-projek mewah untuk kemudahan pelancongan seperti mengadakan padang golf di seluruh negara, hotel-hotel mewah di merata-rata tempat semata-mata untuk meraih keuntungan daripada kedatangan pelancong-pelancong asing tanpa menghormati keperluan rakyat sendiri dan tanpa suatu pengawasan yang berkesan untuk mengatasi kesan-kesan negatif kepada masyarakat dari segi moralnya, percayalah akan menimbulkan masalah seperti dadah, AIDS dan keruntuhan moral yang tidak cukup untuk mengatasinya dengan wang yang dihasilkan walaupun banyak dengan melalui projek-projek mewah.

Sepatutnya kita mengambil contoh daripada negara-negara pelancongan seperti Lubnan, Mesir dan lain-lain yang telah menerima padahnya. Adalah terlalu bebal apabila kita melihat negara-negara lain menyediakan tanah yang ada di tempat mereka untuk industri yang menguat dan memajukan negeri

mereka. Projek pertanian yang mencukupi keperluan terutamanya di masa darurat yang boleh melanda dunia bila-bila masa sahaja kalau rakyat mereka mahu bermewah untuk berhibur, bermain-main maka bumi negeri kita inilah yang disediakan untuk mereka.

6. Projek Mewah

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek untuk menunjuk gaya lebih sebagai sebuah negara maju dan semua rakyat di negara ini memang mahu melihat negaranya maju, menjadi negara maju dan inilah yang menjadi hasrat dan cita-cita seluruh rakyat, tetapi mengejar tanpa menoleh kepada keperluan rakyat akan menimbulkan kesan yang tidak membawa rakyat yang menjadi tunggak kepada negara ini melibatkan secara ikhlas untuk memikul tanggungjawab memajukan negara dan nanti kemajuan itu hanya akan dinikmati oleh segelintir manusia yang telah kaya raya dan telah menjadi orang-orang yang berkuasa sahaja sama ada di kalangan bumiputera atau bukan bumiputera, sama ada di kalangan orang Islam atau belum Islam.

Allah pernah memberi pengajaran kepada Rasulullah SAW ketika memimpin negara Islam di Madinah untuk menjadi contoh kepada seluruh manusia. Firman Allah Taala (menyebut sepotong ayat dari al-Quran) yang bermaksud:

“Apa-apa harta yang diambil yakni dengan cara aman, yang diberikan oleh Allah kepada Rasul-Nya, yang berasal dari penduduk kota-kota, maka adalah untuk Allah dan Rasul-Nya, yakni kepentingan umum kaum keluarga, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang di

dalam perjalanan supaya harta itu jangan beredar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja.”

‘Hanya beredar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja’ - Inilah tajuk yang perlu diberi perhatian dengan sesungguhnya supaya tidak berlaku kerana seluruh manusia adalah bersaudara, mestilah ada sifat tolong menolong, bantu membantu dan kait mengait keperluan di antara satu sama lain.

Seterusnya saya ingin menyebut sebagai contoh ialah apa yang berlaku di dalam mengendalikan MARA yang sepatutnya dilaksanakan secara langsung untuk membantu golongan bumiputera dan bukan bumiputera yang berpendapatan rendah, apakah alasannya MARA terlibat dengan projek mewah padang golf yang sedang menjadi pengetahuan masyarakat umum sekarang dan menjadi perbualan mereka dan menimbulkan rasa tidak senang termasuk di kalangan UMNO sendiri dan saya berharap bukan kerana masalah perebutan pengaruh dalam UMNO. Perkara ini mestilah diteliti dengan adil, begitu juga pendapatan lumayan yang dihasilkan dengan mudah secara pemberian Tuhan melalui PETRONAS. Saya sungguh-sungguh berharap supaya pihak Kerajaan memberi perhatian dan bertindak secara jujur dan adil tanpa berkepentingan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kertas kerjanya di Persidangan Antarabangsa Ketiga di Jakarta, Presiden PETRONAS Tan Sri Azizan Zainal Abidin mencadangkan supaya dibentuk satu rangkaian edaran gas bersepadu negara-negara ASEAN bagi mengurangkan import bahan tenaga dari negara luar rantau Asia Tenggara sambil menjimatkan sumber minyak yang semakin berkurangan. Saya mengalu-alukan sebarang

langkah bagi menjimatkan bahan tenaga dan saya menghargai kesedaran dan pengakuan pihak PETRONAS terhadap adanya sumber minyak yang kian berkurangan.

Kesedaran atas perkara itu diikuti dengan langkah berjimat akan memberi manfaat yang besar kepada negara baik dalam jangka pendek mahu pun dalam jangka panjang. Cuma langkah berjimat tadi tidak sekadar menjimatkan pengeluaran dan penggunaan sumber tenaga itu sendiri. PETRONAS juga mesti tahu menjimatkan hasil, wang dan harta yang diperolehi dari pengeluaran sumber itu.

Saya ingin menarik perhatian kenyataan Rustam Abdul Hadi, salah seorang tenaga terpenting PETRONAS yang pernah mengemukakan surat perletakan jawatan dari tugasnya di PETRONAS, menyebutkan adanya sikap menjadikan PETRONAS laksana pemerah susu lembu dari segemuk-gemuk hingga kurus kering. Baru-baru ini kita dikejutkan oleh pengumuman Presiden PETRONAS untuk membina bangunan baru sebagai ibu pejabatnya yang dinamakan sebagai Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Bangunan ini akan didirikan di atas bekas tapak lumba kuda di Jalan Ampang Kuala Lumpur. Ia adalah mercu tanda ibu kota dan dibina dalam bentuk menara kembar. Bangunan berpuluh tingkat yang menjolok ozon itu akan menelan belanja seawal-awalnya dijangkakan tiga billion dan ia akan menjadi tujuh billion kerana di bawahnya mengikut berita yang disebarkan ada gua berbatu kapur. KLCC akan dibina di bawah Syarikat Seri Kuda, dijangka siap dalam tahun 1996. Seri Kuda adalah sebuah syarikat yang PETRONAS mempunyai saham 51%.

Dalam membahaskan ucapan belanjawan 1986 wakil Pengkalan Chepa ketika itu, wakil tunggal PAS di dalam Dewan ini telah menyebut dengan panjang lebar tentang pembinaan bangunan Tabung Haji di Jalan Tun Razak. Bangunan bulat dan ramping yang berpuluh tingkat tingginya itu tidak mencerminkan sifat kesederhanaan yang dituntut oleh Islam. Bangunan LUTH itu adalah yang terancang di dunia kerana bukan sekadar bulat tetapi ramping dan dari segi pembinaannya adalah rumit. Ia adalah satu sifat boros, mewah, membazir dan bermegah-megah. Kritikan ikhlas yang dibuat enam tahun lalu yang dibuat di Dewan ini seolah-olah tidak mendapat perhatian daripada pihak tertentu khususnya daripada pembesar-pembesar PETRONAS yang tidak segan dan silu menggunakan kekayaan PETRONAS bagi membina apa yang disebutkan mercu tanda Kuala Lumpur.

Perlu diingat bahawa PETRONAS adalah hak rakyat dan hak negara, ia bukan hak Kerajaan Barisan Nasional. Apatah lagi ia bukan hak dan milik pembesar-pembesar PETRONAS dan orang-orang yang di sekelilingnya. PETRONAS tidak ditubuhkan seperti Hong Leong, Sapura Holdings atau Jaya Jusco oleh orang perseorangan atau beberapa orang dengan modal sendiri dan kemudian membina kejayaan hingga menjadi syarikat gergasi.

PETRONAS ditubuhkan oleh Kerajaan melalui Akta Parlimen. PETRONAS kini mempunyai harta berbillion ringgit dan harta itu diperolehi bukan kerana orang-orang yang diamankan di PETRONAS pandai mencarinya atau cekap memikirkan bagaimana ia boleh diperolehi seperti PERNAS yang terpaksa memikirkan bagaimana apakah yang patut

didagang dan bagaimana ia hendak didagang. Ringgit dan harta itu berkumpul di kantung PETRONAS kerana segala hasil minyak dan gas untuk negara ini tidak boleh ditadbirkan oleh pihak lain.

PETRONAS memperolehi punca pendapatan daripada bumi Allah. Minyak dan gas dengan kehendak Allah bertakung di perut bumi dan perairannya boleh mengandungi gas dan minyak, tetapi ia ada sendiri atas kehendak 'kun faya kun' dari Allah, bukan atas kebijaksanaan manusia sahaja.

PETRONAS sudah pun mempunyai ibu pejabat sendiri, iaitu DAYABUMI yang tersergam tinggi, termahal dan tercanggih di Malaysia dan di Asia. Sekalipun banyak kerenah yang diperkatakan dengan pembinaan bangunan itu, tetapi akhirnya bangunan yang pernah kontroversi itu dapat dijadikan hak milik PETRONAS.

PETRONAS sekalipun bertanggungjawab secara umum kepada negara, perlulah mementingkan kebajikan dan kesejahteraan ummah, iaitu rakyat negara ini, istimewa kaum yang miskin dan berpendapatan rendah, selain daripada bertanggungjawab menjaga kepentingan negeri-negeri yang mempunyai minyak seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak.

PETRONAS perlu juga melimpahkan hasilnya ke negeri-negeri lain yang kontang seperti Kedah, negeri Perdana Menteri: Melaka, negeri Timbalan Perdana Menteri: Kelantan, negeri yang subur PAS dan Angkatan dan lain-lain negeri dengan membangunkan industri dan apa-apa juga kemajuan yang boleh meningkatkan ketaqwaan dan kesejahteraan.

PETRONAS pada hemat saya, tidak perlu lagi membangunkan Kuala Lumpur yang sudahpun membangun dan pembangunannya adalah pesat. Bila-bila masa sahaja ia sudah, sedang dan sedia dibangunkan oleh swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti UDA, DBKL, jabatan-jabatan Kerajaan yang kesemuanya adalah berpengkalan di Kuala Lumpur.

Sayogia diingat, perhatian utama PETRONAS sepatutnya ke arah kawasan-kawasan yang belum maju yang memerlukan perhatian dan pembelaan dan payah didatangi pelabur dalam dan luar negeri. Sama ada PETRONAS membangunkan lagi Kuala Lumpur atau tidak, Kuala Lumpur sememangnya telah, sedang dan terus membangun dengan sendirinya kerana Kuala Lumpurlah terletakinya semua kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan, lembaga, perbadanan dan syarikat-syarikat, masing-masing mendirikan pusat dan pejabatnya sendiri di Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur didirikan semua kedutaan asing, pusat-pusat pengajian tinggi, istana-istana, tugu-tugu, cawangan-cawangan pejabat perdagangan antarabangsa. Tiap-tiap Kerajaan Negeri ada bangunannya di Kuala Lumpur. Semua parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC mendirikan bangunan di sini. Hotel-hotel, kilang-kilang, pasaraya-pasaraya terbesar, semuanya ada di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur dan alam sekitarnya kini menjadi kawasan rancangan perumahan terbesar yang dipenuhi dengan pangsapuri, kondominium membangun di sana sini. Dengan segala perkembangan ini Kuala Lumpur tidak memerlukan PETRONAS untuk membangunkannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keupayaan mendirikan bangunan tinggi, selain dari bangunan tinggi yang sedia ada, DBKL sudahpun meluluskan sekurang-kurangnya 48 buah bangunan yang dijawab oleh menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 19 Oktober 92 di mana bangunan yang diluluskan dan diduga siap sebelum tahun 2000 ialah 48 buah dengan keluasan lantai sebanyak 36,344,994 kaki persegi. Di antara bangunan-bangunan itu ialah:

- PERONAS Headquarters, Jalan Ampang, luas lantainya 3,430, 140 kaki persegi.
- Capital Square, Jalan Munsyi Abdullah, jumlah keluasan lantainya 3,751,371 kaki persegi
- Niku Hotel, Jalan Ampang, 1,638,020 kaki persegi
- Plaza Rakyat, Jalan Pudu, 3,433,472 kaki persegi
- City One, fasa 2, 48, 940 kaki persegi
- ERF Properties, 466,498 kaki persegi.

Itu adalah di antara bangunan-bangunan yang dijangka siap sebelum tahun 2000. Jika PETRONAS tidak mendirikan menara kembar itupun, Kuala Lumpur sudah cukup kaya dengan bangunan tinggi mencakar langit dan ia sudah cukup lebar dan luas lantainya jika ruang lantai tadi di perlukan untuk diswatakan. Dari luas lantai yang sedia ada di bangunan-bangunan yang sudah siap, luas lantai dari bangunan yang di jangka siap, hingga tahun 2000 yang di sebutkan di atas tadi di yakini agak cukup bagi keperluan sewaan pejabat. Jika ia tidak mencukupi, Kuala Lumpur yang terus membangun itu sentiasa menarik pihak swasta bagi menyediakan ruang lantai

tambahan.

PETRONAS hendaklah memanjangkan lehernya dan membulatkan matanya bahawa di negara kita terdapat lain-lain bandar, desa dan pinggir-pinggir kampung yang juga dahagakan pembangunan dan pembelaan. Jika PETRONAS terasa bahawa ia tidak terdaya menyimpan wang yang banyak, maka apalah salah wangnya di tempatkan ke tempat-tempat yang memerlukan perkhidmatan. Apa gunanya kita menunggu pelabur datang ke tempat seperti itu, baru masing-masing hendak di bangunan.

7. Sistem Ekonomi Bebas

Dalam sistem ekonomi bebas yang berasaskan kaedah kapitalis atau modal, masing-masing memikirkan bagaimana hendak membesarkan modal dan bagaimana hendak mengaut untung sebanyak-banyaknya dalam waktu secepat-cepatnya. Justeru itu, alam sekitar terbiar. Di sekitar dan di sebalik bangunan-bangunan indah tersergam tadi terdapat penghuni-penghuni setingan, rumah-rumah haram, rumah-rumah yang layak di samakan dengan kandang kambing di merata-rata bandaraya, bandar-bandar kecil dan di kampung-kampung terpencil di seluruh negara terdapat sebahagian besar dari warga kota, Ibu Kota negara ini yang pendapatannya kurang dari \$700 sebulan. Sekalipun golongan yang dibangsakan termiskin adalah yang berpendapatan kurang dari \$350 sebulan, tetapi bagi warga kota yang berpendapatan kurang dari \$700 sebulan adalah satu pendapatan yang rendah, yang mendapati hidup mereka terlalu sempit. Dari pendapatan kurang dari itulah, untuk kehidupan seharian, sewa rumah,

perbelanjaan anak-anak sekolah, pakaian dan lain-lain keperluan asas yang harga barang sentiasa naik hingga tidak terkawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapatan rendah itu mereka jadi sengsara dan anak-anak mereka juga ikut sengsara. Tidak mustahil mereka terdedah dengan ancaman dadah dan lain-lain jenayah kanak-kanak. Belajarlah kita dari pengalaman warga bangsat Amerika yang kaya dengan gedung berdingding cermin dan berlebihan peluru berpandu, tetapi kaya juga dengan warga-warga bangsat yang tidak berumah dan memajukan jenayah. Insaflah kita dengan kanak-kanak terbiar di setiap lorong di Ria de Janeiro yang kini menjadi buruan sindiket bunuh yang diupah oleh tuan-tuan yang kaya harta. Jika sudah akhirnya nanti rakyat dan kanak-kanaknya sudah merempat seperti itu, maka apalah gunanya PETRONAS punya kemegahan itu dan ini dan punya mercu tanda terancang di Asia ataupun di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya PETRONAS mampu mamikirkan beberapa langkah ke hadapan agar keseimbangan fikiran di kalangan rakyat dapat di wujudkan, tetapi setakat ini agak diragui ia terfikir akan keseimbangan fikiran-fikiran itu. Seimbangan fikiran kita dengan kompleks bandar yang tertinggi dan terancang di Asia atau di dunia. Jambatan terpanjang di dunia. Masjid yang terindah dan termahal di Asia atau di dunia. Tiang bendera yang tertinggi dan bendera terbesar di dunia. Ketupat yang terbesar di dunia. [ketawa] Lapangan terbang yang terbesar dan terancang di dunia. Projek pelancongan yang terbaik di dunia, seperti di Langkawi dan Pulau Tioman dan lain-lain lagi. Tetapi pada ketika yang

sama, terdapat sebahagian dari rakyat menjadi kumpulan termiskin atau papa kedana.

8. Kepentingan Rakyat

PETRONAS adalah milik negara. Apakah itu negara atau apakah yang di katakan negara? Haiwankah, hutan atau tumbuhankah atau adakah ia UMNO, Barisan Nasional? Negara adalah suatu sistem yang di dalamnya terdapat kawasan tertentu di bumi. Wujud suatu Kerajaan dan mempunyai rakyat. Sebuah negara bahagia adalah terdiri dari suatu kawasan dalam lingkungan sempadan aman, merdeka dan sejahtera dan mendapat keredhaan Allah.

Punya Kerajaan yang adil dan bertanggungjawab serta rakyat yang mendapat perlindungan dari Kerajaan, mendapat nikmat setimpal dari khazanah yang dimiliki oleh negara dan mensyukuri pemberian Allah dengan taat kepada Allah dan rasul-Nya serta pemerintahan yang mamatuhi Allah dan rasul. Bila PETRONAS itu milik negara, maka ia adalah milik rakyat kerana negara adalah milik rakyat. Di antara rakyat itu, ada yang menjadi raja-raja, ada yang menjadi menteri, petani, buruh, nelayan, pegawai, penganggur dan lain-lain.

Maka mengapakah yang dipentingkan oleh PETRONAS membina bangunan besar dahulu dan mengabaikan rakyat? Kepentingan rakyatlah yang sepatutnya menjadi keutamaan. Tidak dinafikan bangunan-bangunan tinggi itu ada sumbangan kepada negara dan kemajuan, tetapi ia bukan keutamaan organisasi Kerajaan dan separuh Kerajaan.

Para pembesar negara acap keluar negeri sejak beberapa tahun yang silam. Belanjawan negara memperuntukkan

sepuluh kali setahun bagi Perdana Menteri keluar negeri dan begitu juga Timbalan Perdana Menteri. Sepatutnya dari pengalaman keluar negeri yang begitu sering memberikan banyak pengetahuan betapa pembesar-pembesar yang boros dan tidak kena pada tempatnya sekalipun mereka masyhur, masyarakat yang mereka tinggalkan mundur, purak-puranda dan menjadi hamba kepada bangsa-bangsa yang maju, yang peka kepada keperluan dan kepentingan rakyat.

Pengalaman-pengalaman pemimpin-pemimpin yang tidak sedarkan diri dari seluruh pelusuk dunia itu tidak menjadi iktibar kepada kita, hinggalah keseluruhan hasil yang diusahakan atas titik peluh rakyat hasil dari getah, kelapa sawit, bijih, minyak, gas dan lain-lain hasil dari perut bumi Allah SWT yang mendatangkan hasil yang besar kepada negara dicurahkan memenuhi selera nafsu, dengan mambina bangunan yang terbesar, tertinggi, terpanjang, tercantik, tercanggih dan termahal di dunia, sedang dalam keadaan yang sama penoreh getah tidak cukup makan, pekerja kilang tidak mendapat gaji yang mencukupi, pemandu teksi tidak padan dengan peluh dan masa yang digunakan untuk bekerja, tetapi ada orang mengambil kesempatan, hidup mewah dan senang-lenang atas keringat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengimbangi pembangunan rohani, kemajuan dan pembangunan material juga adalah diakui perlu. Justeru itu, Dewan Rakyat perlu untuk negara dan umat manusia.

PETRONAS dengan wang terkumpul yang banyak adalah tenaga terpenting yang dapat memenuhi keperluan mengisi matlamat, mencapai keusahawanan dan teknologi yang

membanggakan:

- i) PETRONAS dengan modal besar yang terkumpul berupaya mencapai matlamat keusahawanan yang tinggi, kerana ia terdaya mendapatkan otak-otak dan kepakaran yang terbaik, di mana-mana juga di dunia yang boleh memikirkan apakah projek-projek dan perancangan yang sesuai bagi kepentingan rakyat dan negara.
- ii) PETRONAS dengan modal terkumpul, dengan begitu banyak sepatutnya menghasilkan bahan-bahan pengeluaran dan memasarkan setiap barangannya dengan bantuan teknologi dan kepakaran yang terbaik tadi.
- iii) PETRONAS dengan modal terkumpul begitu banyak tentunya dapat mewujudkan usahasama dengan berbagai-bagai pihak dan melatih rakyat dalam berbagai-bagai keperluan dan bidang supaya mereka tidak ketinggalan dibandingkan dengan rakyat di negara lain.

Sesungguhnya dengan modal terkumpul yang begitu banyak, PETRONAS tentunya dapat memberikan sumbangan yang begitu banyak juga kepada negara. Rakyat negara bertambah ramai, tenaga kerja juga bertambah, pengetahuan korporat juga meningkat. Jika segala-galanya ini diurus dengan baik, sepatutnya PETRONAS dapat menghasilkan berbagai-bagai projek yang jejak di bumi nyata bagi kepentingan rakyat dan negara.

Dalam amalan ekonomi bebas dan kapitalisma, modal sepatutnya dapat membuat semuanya. Jepun telah membuktikannya dan demikian juga Korea Selatan, demikian jugalah yang cuba dilakukan oleh Iraq di bawah Saddam.

Kenapakah PETRONAS, dengan modal yang begitu banyak, tidak terdaya mendapatkan apa yang diperlukan, sedangkan PETRONAS adalah bertanggungjawab kepada kepentingan rakyat dan negara dan lebih ketara lagi ia bertanggungjawab kepada keadilan? Adakah PETRONAS kini sudah dapat mewujudkan keadilan? Berikutan dengan langkah membina bangunan menara kembar tadi, maka wajar ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat perjalanan PETRONAS yang sebenarnya.

Apakah niat yang sebenar membina bangunan itu? Apakah peranan PETRONAS yang sebenar sekarang? Di manakah wang yang terkumpul itu dan cara mana ia digunakan, siapakah yang memiliki 49% dari Saham Srikuda, yang menjadi pemilik Kuala Lumpur City Centre itu nanti menyiasat sembelihan Daya Bumi? Mengapa harga mengikut taksiran umum sebanyak \$400 juta menjadi \$600 juta? Siapakah yang akan mendapat keuntungan besar pula melalui KLCC nanti?

Tuan Yang di-Pertua, perlu diketahui mereka yang menerima buah tangan, hadiah sagu hati dan lain-lain dari pembangunan KLCC, siapakah juru rundingnya? Siapakah kontraktor-kontraktornya dan cara mana mereka memperolehinya? Bagaimana tanah Srikuda itu diperolehi? Tidak ketinggalan juga sumbangan tetap yang diberikan kepada parti-parti pemerintah. Perlu juga orang ramai mengetahui dari mana alat-alat bangunan dan perabot yang dibeli, apa yang dibeli dari Jepun dan apa yang dicari dari Eropah, berapa harga barang-barang itu di pasaran tempatan dan berapa harganya di Jepun dan di Eropah.

Apakah perlunya PETRONAS melabur berbilion-bilion

ringgit dalam hartanah, padahal sudah terkenal di seluruh dunia, PETRONAS sudah ada pejabat atau bangunan iaitu Daya Bumi? PETRONAS tanpa sebarang penat lelah, dan dengan menjadi bandaraya yang banyak bangunan tinggi dan tersergam indah, dan banyak lagi bangunan tinggi yang akan didirikan di Kuala Lumpur oleh pihak lain, di samping segala cerita indah dan menghayalkan.

Mengenai pembinaan KLCC itu tidak dapat dielakkan, ia tetap memberikan beberapa kesan buruk yang perlu diberikan perhatian:

- i) Kawasan sekitar KLCC nanti akan menjadi suatu kawasan yang sesak, malah sekarang pun ia sudah sesak terutama dalam waktu sesak apabila orang datang dan pulang kerja. Jalan dan sistem jalan di kawasan itu sudah terlalu sempit dan tidak nampak bagaimana ia boleh menampung satu sistem jalan yang lebih baik, bagi keselesaan pengguna-pengguna bangunan itu.
- ii) Perbezaan akan bertambah ketara sesama pengguna dan pekerja bangunan itu. Antara orang yang berkereta besar dengan orang yang tidak berkereta, antara orang yang mendiami dan banyak masa di bangunan itu dengan orang yang bekerja di situ dan kemudian balik tinggal di rumah setingan yang serba-serbi kekurangan. Orang yang berada di bangunan itu dengan orang miskin dan bangsat sekitarnya, jurang itu akan menyonglap mata, ketika perhatian dan tumpuan kepada pelaburan di sektor binaan yang mengembalikan kepada budaya khayalan Firaun, Namrud dan Shah Jehan, sedang sepatutnya perhatian diberikan kepada pihak dan tempat yang terbiar, pem-

binaan tadi akan menjadikan tanah dan bangunan di situ terlalu tinggi, berbanding dengan tanah dan bangunan lain di kawasan sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan yang berbangkit itu sudah tentu mendorong kesan dan penyakit masyarakat yang payah dikawal dan ia menyebabkan keresahan dan ketegangan.

Masalah yang dihadapi oleh masyarakat New York, Los Angeles, Rome dan lain-lain akan menjadi penyakit pula kepada Kuala Lumpur. Oleh kerana PETRONAS bertanggungjawab kepada kepentingan rakyat dan negara, maka wang PETRONAS yang berbilion ringgit untuk projek feudal itu adalah lebih baik di salurkan ke sektor yang diperlukan, seperti:

- i) Sektor perikanan. Kebanyakan nelayan kita adalah miskin, mereka perlu dibantu dengan teknik penangkapan yang moden supaya bidang itu menjadi bidang industri yang penting.
- ii) Sektor perkayuan. Negara kita masih banyak mempunyai kayu dan industri perkayuan, termasuk binaan perkayuan tetap penting. Justeru kegunaan baru kayu perlu di terokai dan dimajukan.
- iii) Sektor perkilangan. Kilang yang berasaskan kejenteraan. Bidang ini tidak lagi menjadi monopoli barat dan Jepun. Ia boleh dimajukan di negara ini, kilang yang berasaskan getah dan kelapa sawit, kedua-dua bahan komoditi ini tetap menjadi asset kepada negara dan ia perlu dikilang dalam negeri dan dibesarkan. Kilang buah-buahan terdapat berbagai-bagai jenis buah-buahan yang masih belum didagangkan secara moden.

Memandangkan penduduk dunia bertambah dan bilangan kebuluran juga menjadi-jadi, maka bahan makanan dari buah-buahan perlu dikembangkan. Kilang makanan, industri makanan penting, tetapi dunia memerlukan makanan halal. Negara kita boleh menjadi pengeluar terpenting dalam sektor ini. Segala projek ini boleh dibangunkan di seluruh negara dan di mana-mana tempat juga dan buah-buahannya boleh dikatakan ada di semua tempat. Bahan-bahan mentah ini tidak dimanfaatkan selama ini. Pelaksanaan projek seumpama ini boleh menguntungkan rakyat dan negara, boleh mengurangkan tumpuan kepada Kuala Lumpur sahaja.

Peluang pekerjaan yang lebih banyak dapat diadakan dan dengan demikian mengurangkan bilangan pengangguran, kawasan-kawasan di luar Kuala Lumpur seperti bandar-bandar kecil dapat dimajukan dan desa-desa akan mara ke arah urbanisasi, mengurangkan kesesakan manusia, kenderaan dan alam sekitar di satu-satu tempat yang sekarang menjadi masalah kepada semua kota besar di dunia. Dengan membangunkan kawasan-kawasan terbiar akan menyebabkan segala pertumbuhan pembangunan dan keperluan asas akan tersebar ke semua tempat.

Oleh hal yang demikian tidak berbangkit lagi ada tempat yang mendapat semua keperluan asas dan ada yang tidak dapat. Sekalipun pada mulanya pembangunan negara yang menyeluruh bukanlah peranan utama PETRONAS pada asalnya. Tetapi setelah pindaan Akta PETRONAS yang dibuat kerana pembabitan PETRONAS dalam menyelamatkan Bank Bumiputra akibat BMF ditipu oleh rakyat Hong Kong dulu maka kini PETRONAS mahu melibatkan diri dalam sektor hartanah pula.

Memandang dari sudut pembangunan sangat kecil yang faedahnya hanya untuk beberapa kerat manusia adalah wajar wang itu digunakan untuk pembangunan yang berat dan berkesan. PETRONAS sepatutnya belajar dari pengalaman lama PERTAMINA dan lain-lain pengeluar minyak yang boros di rantau Teluk yang minyak anugerah Allah lebih banyak menguntungkan pihak luar dari umat dan rakyat sendiri meneruskan pembinaan menara kembar itu seolah-olah langkah pertama membina batu nisan bagi negara ini.

9. Pertahanan

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang berkait dengan pertahanan negara di mana kita melihat kenyataan-kenyataan yang dibuat untuk meningkatkan pertahanan negara, menunjukkan kepekaan pihak Kerajaan berkait dengan masalah pertahanan negara. Dalam bidang pertahanan, masih terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pertahanan negara tidak mencapai tujuan dan matlamat pertahanan negara.

Seperti yang dinyatakan oleh al-Quruanul Karim yang bermaksud: *"Dan bersedialah kamu mengikut kemampuan kamu dari kekuatan, di antaranya ialah bala tentera berkuda,"* yang munasabah di zaman al-Quran awal diturunkan. *"Untuk kamu menggerunkan musuh-musuh Allah SWT dan musuh-musuh kamu. Dan yang lain daripada mereka itu yang kamu tidak mengetahui, Allah SWT mengetahui mereka. Dan apa-apa yang kamu belanjakan akan di kurniakan pahala kepada kamu dalam keadaan kamu tidak dianiyai."*

Islam tidak menggalakkan peperangan dan menjadikan pertahanan satu keperluan kerana peperangan tetap menjadi tabii manusia. Kerana manusia tidak boleh menghapuskan hawa nafsu dan ramai yang tidak dapat mengatasi hawa nafsu itu sehingga menyebabkan berlakunya peperangan, maka negara hendaklah menyediakan kelengkapan pertahanan sekadar kemampuannya untuk menakutkan musuh. Sekiranya pertahanan lemah dan sambil lewa sekadar untuk dipentaskan di hari-hari perayaan, kemerdekaan dengan membeli alat-alat peperangan *second-hand* dan yang tidak canggih, yang tidak menggerunkan musuh dan tidak dapat menyekat musuh menceroboh negara, maka matlamat dan tujuan pertahanan tidak dicapai.

Terlalu kerap membuat kenyataan untuk membeli alat paling canggih tetapi kita melihat berlakunya tanda-tanda kelemahan pertahanan yang diketahui semua, seperti pencerobohan ke atas Pulau Batu Putih, tindakan kapal-kapal laut dan kapal terbang asing dengan sewenang-wenang dan mengikut kemahuan tanpa halangan dan tentangan. Kerap berlakunya kemalangan di kalangan anggota tentera yang telah dilatih begitu lama dan memakan belanja yang banyak yang sepatutnya dijaga tiba-tiba dibunuh oleh senjata-senjata *second-hand* yang dibeli itu.

Semua perkara-perkara ini sangat mendukacitakan, pada hal negara-negara yang menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kononnya untuk menjaga keamanan dunia dan menjadi polis dunia supaya tidak berlakunya peperangan, merekalah yang paling canggih senjata dan paling banyak termasuklah Jepun dan Jerman yang kononya

sudah bertaubat daripada peperangan dunia yang besar, juga sedang menuju ke arah pembesaran dan penyanggihan angkatan tentera mereka.

10. Keamanan

Tuan Yang di-Pertua, kemuliaan moral, keamanan dan keselamatan negara, kemajuan ekonomi dan kekuatan tentera dan kemampuannya menentukan dasar luar negara. Kita hendaklah mengaku bahawa dasar luar yang diamalkan sekarang terpaksa mengikut arus yang dicipta oleh negara-negara besar sehingga kita tidak dapat menentukan sikap adil yang berkesan terhadap masalah-masalah antarabangsa seperti masalah Bosnia-Herzegovina, masalah Palestin, Kashmir, Cyprus dan lain-lain.

Walaupun berlakunya jenayah perang seperti di Bosnia-Herzegovina di mana pembunuhan secara beramai-ramai terhadap umat Islam di hadapan mata dunia, penahanan secara luar peri kemanusiaan bahkan peri kebinatangan berlaku di hadapan mata dunia, tetapi tindakan yang adil sengaja dilambat-lambatkan. Bahkan terdapat permainan politik yang terlalu ketara tidak adilnya kepada umat Islam ketika ajaran Islam diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW diharamkan melakukan penganiayaan kepada orang-orang yang bukan Islam walaupun dalam keadaan perang kerana al-Quran mengatakan yang maksudnya:

“Berperanglah pada jalan Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas sesungguhnya Allah tidak menyayangi orang-orang yang melampaui batas.”

Rasulullah SAW dan para khalifah selepasnya menyatakan dengan tegas kepada bala tentera Islam sebelum menghadapi sesuatu peperangan jangan membunuh paderi-paderi dan sami-sami yang berada di kuil. Jangan membunuh orang-orang tua. Jangan membunuh peniaga-peniaga dan lain-lain yang tidak terlibat dengan peperangan. Jangan memusnahkan tanaman tanpa keperluan. Bahkan apabila kemenangan dicapai mereka hendaklah berlaku adil dan bertimbang rasa di mana ajaran ini tetap memberi kesan dan menjadi pegangan kepada umat Islam walaupun dalam keadaan jahil, walaupun dalam keadaan tidak ditegakkan negara Islam tulen sekarang di mana kita melihat orang-orang yang bukan Islam boleh hidup di tengah-tengah masyarakat orang-orang Islam di mana-mana sahaja termasuk di Malaysia.

Tetapi malangnya orang-orang Islam di mana sahaja di tengah-tengah masyarakat bukan Islam mereka telah ditindas. Di Bosnia-Herzegovina adalah satu daripadanya kita dapat melihat betapa tidak adilnya dunia terhadap umat Islam apabila berlakunya serangan Iraq ke atas negara Kuwait. Seluruh bala tentera dikerahkan untuk menyerang Iraq dan bertindak lebih daripada kesalahannya sehingga menderitakan rakyat yang tidak ada kena mengena dengan peperangan. Tetapi sebaliknya apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina sangat tidak adil. Tindakan sengaja dilambat-lambatkan. Umat Islam dibiarkan berperang dalam keadaan tangan diikat kerana dikuatkuasakan sekatan bantuan persenjataan pada hal pengganas Serbia sudah lengkap bersenjata canggih dan boleh menembusi sekatan Bangsa-Bangsa Bersatu bila-bila masa sahaja.

Negara-negara besar berlagak dengan sombong. Presiden Miterrand dari Perancis datang ke Bosnia di bawah kawalan dan kononnya untuk membuka jalan bantuan kemanusiaan tetapi apa yang tersirat dan ternyata dan terdedah ialah untuk memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin Islam Bosnia supaya jangan menubuhkan negara umat Islam di Benua Eropah. Sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat barat terhadap masyarakat Islam di Bosnia-Herzegovina sangat bercanggah dengan prinsip yang diadunkan oleh mereka sendiri iaitu kebebasan demokrasi dan hak asasi manusia. Segala saluran yang sah dan adil telah pun dipatuhi oleh masyarakat Islam Bosnia. Demokrasi, toleransi diplomasi semuanya diamalkan dan dilaksanakan ke arah penubuhan negara Bosnia-Herzegovina.

Ia ditubuhkan melalui pilihanraya yang sah yang memberi keputusan majoriti rakyat berbagai agama dan kaum melalui cara-cara dan peraturan demokrasi yang mendapat pengiktirafan Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara Bosnia-Herzegovina yang ditubuhkan itu mendapat pengiktirafan oleh masyarakat antarabangsa dan diterima menjadi ahli Bangsa-Bangsa Bersatu. Toleransi di kalangan masyarakat majmuk berlaku dengan baik sebelum gangguan Serbia sehingga pilihanraya dapat dilaksanakan dengan lancar.

Seluruh saluran diplomasi dilakukan melalui beberapa perundingan yang dihormati dan dipatuhi oleh Bosnia tetapi tidak dihormati oleh Serbia. Walaupun semuanya dilakukan, tetapi masyarakat antarabangsa tidak lagi mengendahkan orang-orang yang tertindas. Undang-undang dirimba, siapa yang kuat dialah yang berjaya kembali mempengaruhi

manusia kini. Langkah-langkah kejam untuk menghapus dan memurtadkan umat Islam Bosnia dilakukan dengan licin dan dirancang dengan begitu rupa.

Anak-anak dan perempuan-perempuan dilarikan ke beberapa negara Eropah dan dipaksa supaya menjadi pelarian di beberapa buah negara Eropah walaupun ada juga yang dibawa ke negara-negara umat Islam, di antaranya di Malaysia, tetapi kita sangat-sangat berharap supaya langkah itu tidak bertujuan untuk mengurangkan majoriti umat Islam. Kanak-kanak itu tidak dihapuskan semangat jihadnya dan kecintaannya kepada Bosnia-Herzegovina dan kedaulatannya.

Seterusnya perjuangan untuk mempertahankannya dapat disambung, walaupun memerlukan masa yang panjang hendak dipelihara supaya jangan ditanam dirinya semangat untuk bersuka ria di Dataran Merdeka sahaja. Kita berharap supaya langkah itu ialah berhijrah untuk menguatkan langkah perjuangan dan bukannya menyerah kalah kerana terdapat perbezaan yang jauh di antara berhijrah dengan menjadi pelarian.

Saya mengalu-alukan dan menghargai sikap dan sokongan Kerajaan dalam menangani masalah ini tetapi saya menyedari malangnya kita tidak boleh bertindak lebih daripada keupayaan kita. Langkah-langkah yang lebih bersungguh hendaklah diambil khususnya melalui OIC kerana sudah tersebarnya maklumat adalah penyelewengan-penyelewengan kepada bantuan-bantuan yang dihantar ke Bosnia tidak sampai dengan cara yang sepatutnya kepada mangsa-mangsa kezaliman tetapi banyak yang tumpah dan sengaja ditumpahkan kepada pengganas-pengganas Serbia.

Melalui persidangan OIC dapat diadakan mekanisma yang baru dan alternatif yang dipercayai selain Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyerahkan bantuan-bantuan dan derma-derma kepada mereka yang berhak dan kalau perlu hendaklah diusahakan sehingga ke peringkat persidangan menteri-menteri pertahanan negara-negara Islam dan Malaysia perlu mengemuka dan menyumbangkan inisiatifnya yang bersungguh-sungguh ke arah itu. Sekiranya memerlukan tindakan ketenteraan, bukan sahaja hanya mengadakan resolusi-resolusi yang tidak beramal, mudah-mudahan dapat diamalkan. Perintah Tuhan di dalam al-Quranul Karim yang bermaksud:

"Apakah yang menghalang kamu daripada berjuang pada jalan Allah, pada hal orang-orang yang lemah tertindas di kalangan lelaki, perempuan-perempuan dan kanak-kanak yang merintih dan berdoa? Wahai Tuhan kami, selamatkanlah kami dari negeri yang penduduknya berlaku zalim ke atas kami dan kurniakanlah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan berilah kepada kami penolong dari sisi-Mu."

Seterusnya kita menghapuskan supaya pertubuhan-pertubuhan yang mendapat kemudahan daripada Kerajaan supaya memberi perhatian yang sama juga bukan sahaja kepada anak-anak Bosnia tetapi juga kepada anak-anak pelarian Somalia dan Rohingya. Hendaknya jangan berlaku apartheid dalam simpati kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sana ada lagi masalah Palestin, masih terumbang-ambing oleh kedegilan orang-orang Yahadi yang dapat mempengaruhi politik, ekonomi dan media Barat. Rakyat Palestin yang ditindas diarahkan supaya mengiktiraf negara haram Israel melalui drama sidang Asia Barat yang

melibatkan mereka yang tidak ada pengaruh kepada intifadah yang sedang berlaku di bumi Palestin. Orang-orang yang sebenarnya memimpin Palestin masih merengkok dalam tahanan Israel. Mereka yang dipasang, yang dipacak yang diragukan menjadi wakil ke persidangan damai, hendaklah difahami dan dimengertikan oleh kita bersama, bahawa di antara mereka yang malakukan intifadah yang benar-benar tertindas dengan mereka yang dipacak dan dilakukan oleh musuh.

Masalah Kashmir adalah di antara masalah yang menghantui dunia, terus-menerus dibiarkan dan dilupakan tanpa menghormati suara majoriti umat Islam Kashmir yang mahu bebas daripada penjajahan India. Begitu juga dengan umat Islam Cyprus berbangsa Turkey diancam oleh golongan asing majoriti Greek yang diimport oleh penjajah Inggeris untuk mencipta masalah di sana. Umat Islam yang benar-benar mahu meninggalkan komunisme di Asia Tengah disembunyikan peranannya oleh musang-musang komunis yang berbulu arus perubahan diberikan tempat untuk menghalang kebangkitan umat Islam di Asia Tengah.

Saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan dalam menentukan dasar dan polisi luar negerinya, peka dengan situasi ini supaya tidak berlaku zalim atau menyokong orang-orang zalim ke atas golongan tertindas di mana sahaja, kerana Islam menentang sebarang bentuk kezaliman di mana-mana sahaja dan mengharamkan kita cenderung kepada orang-orang yang zalim. Firman Tuhan yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu akan disentuh oleh api neraka."

Pihak Kerajaan perlu memainkan peranan yang bersung-

guh-sungguh ke arah memelihara negara dan rantau ini dari segala ancaman terhadap keamanan dan keselamatan. Saya ingin menarik perhatian kepada berita Jepun membeli bahan 'plutonium' yang sangat merbahaya dari Perancis yang diberitakan, sekiranya berlaku sedikit kebocoran, akan membahayakan dalam jangka masa yang panjang, dalam jangka yang sangat lama, lebih lama daripada wawasan 2020.

Kerajaan perlu mengambil langkah di peringkat ASEAN khususnya dan peringkat Afro-Asia dan negara-negara berkecuali sehingga ke Bangsa-Bangsa Bersatu supaya menentang penjualan bahan tersebut oleh Perancis kepada Jepun dari segi mendedahkan negara-negara menjadi laluan dan dari segi menggunakan bahan tersebut oleh Perancis dan Jepun yang menjadi ancaman besar kepada rantau ini. Mengapa tidak melalui selat Panama yang dikuasai oleh Amerika atau di Kutub Utara yang dikuasai oleh Russia yang masih menggunakan senjata-senjata merbahaya selama ini?

Bukan negara-negara yang selalunya menjadi mangsa peperangan dan kekejaman dan seterusnya mengambil langkah memberi jalan kepada Jepun menyediakan angkatan tentera yang kuat dan merbahaya, tidak mustahil mengulangi peranannya yang sangat merbahaya dalam perang dunia kedua dahulu. Kita hendaklah menyedari bahawa hati manusia boleh berubah dari satu masa ke satu masa yang lain dan perkembangan dunia boleh berubah dari satu masa ke satu masa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus berhati-hati dalam menentukan sikapnya terhadap Order Baru Dunia yang dicangkan oleh Amerika dengan tindakannya selepas kehan-

curan Soviet Union disertai oleh tindakan berpindah dari pengkalannya di Subic ke tempat yang lebih dekat. Apakah ia mahu menjadi polis yang mengintip umat Islam dan menjadikan umat Islam sebagai musuh yang hendak diambil tindakan. Baru-baru ini diadakan seminar Pasca-Marx. Mengapa dalam persidangan itu tidak disentuh Asia Tenggara secara terperinci? Apakah kita lupa kepada kedudukan kita dalam pergolokan arena politik antarabangsa?

Kita canangkan wawasan 2020 dibunyikan dengan lancangnya. Kerajaan perlu mengkaji semua perjanjian Malaysia yang rapuh, yang telah memberi kemerdekaan dengan percuma kepada Singapura dan akhirnya menjadi masalah kepada rantau ini khasnya kepada negara kita sendiri apabila terdapatnya kenyataan-kenyataan yang memberi ancaman, tindakan-tindakan membesarkan angkatan tentera yang tidak munasabah dengan jumlah penduduk, membawa penasihat-penasihat dari Israel dan menjemput Amerika atau bersedia memberi tempat kepada pengkalan tentera Amerika selepas pengundurannya dari Subic?

Mengapa Filipina begitu mudah mengundurkan dan Amerika mengundurkan bala-tenteramnya dari Subic? Mengapa keadaan itu berlaku dengan begitu mudah dan begitu senang? Apakah penempatan ini kerana cemburu kepada jumlah 200 juta umat Islam di rantau ini? Dan mengapa Singapura bersedia untuk menjadi anak angkat kepada Amerika di rantau ini? Dan bermula dengan tindakan-tindakan samseng di Pulau Batu Putih dan beberapa pencabulan sempadan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam hubungan dengan Malaysia Timur yang menjadi sebahagian daripada negara

kita, tindakan yang merenggangkan hubungan di antara Malaysia Timur dan Semenanjung yang kadang-kadangnya dilakukan oleh Kerajaan Pusat sebelum ianya dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri? perkara ini perlu dibuat perhitungan semula sebelum menjadi penyakit yang tidak boleh diubat lagi.

Usaha di atas prinsip persaudaraan yang berlandaskan keadilan dan akhlak bernegara perlu ditanam dan dipupuk dengan subur dari masa ke semasa. Perpaduan yang diamalkan secara praktikal hendaklah dilakukan sehingga kita tidak berasa asing apabila di Malaysia Timur atau Malaysia Barat sehingga terpaksa menggunakan pasport antarabangsa. Kita hendaklah menghapuskan perkara-perkara yang menjadi masalah di antara satu sama lain. Kesilapan-kesilapan hendaklah diakui dan dibaiki, bukannya dipertahankan dengan sikap degil dan angkuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pemimpin-pemimpin PAS telah memberi beberapa peringatan di ambang penubuhan Malaysia. Ianya boleh dirujuk dalam *Hansard* Parlimen di masa itu dan apa yang dibimbangkan ketika awal penubuhan Malaysia ataupun di ambang penubuhan itu, benar-benar menjadi kenyataan. Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat hendak sambung lagi?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Hendak sambung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Keat): Besok, ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan.....

11. Pembinaan Insan

Besuknya...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):... Marang hendak sambung?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyambung ucapan saya semalam berhubung dengan perbahasan belanjawan bagi menekankan masalah pembinaan insan yang menjadi perkara penting bagi mencapai apa yang tersurat dan tersirat di sebalik belanjawan yang dikemukakan supaya negara kita dihormati dan mempunyai kehebatan, bukan sahaja perlu mempunyai keteguhan politik dan ekonomi tetapi mestilah dibina di atas ketinggian akhlak dan kemuliaannya. Masalah tidak boleh mengatasi keruntuhan moral dan masalah jenayah memerlukan kita mengkaji semula undang-undang yang diamalkan hari ini.

Kawalan keselamatan, peraturan-peraturan yang dipakai untuk semua pihak, termasuklah kepada media massa, cetak dan elektronik supaya dapat menyekat dan menghalang unsur-unsur negatif yang menyuburkan keruntuhan moral terutama di kalangan belia yang menjadi harapan hari muka kita dan dasar pelajaran yang membina insan, bukan untuk menjadi alat kepada ekonomi, tetapi insan yang menggunakan ekonomi sebagai alat untuk hidup dan berbakti.

Kementerian dalam negeri telah membuat kenyataan berterus terang kepada soalan yang pernah saya kemukakan di Dewan ini mengenai bertambahnya kadar jenayah. Kadar jenayah pada tahun 1991: Membunuh — 415 kes, merogol —

706 kes, mencuri — 56,421 kes, merompak — 5,804 kes, mengedar dadah — 465 kes dan jumlah peratus peningkatan atau penurunan kadar kejadian jenayah tersebut jika dibandingkan di antara tahun 1981 dan 1991 ialah, membunuh bertambah 37%, merogol bertambah 49%, mencuri menurun 12%, merompak bertambah 15% — Ini mungkin yang mencuri naik pangkat jadi perompak, mengedar dadah bertambah 81%. Pertambahan yang pesat ini menunjukkan serius apabila jenayah di kalangan kolar putih yang berpendapatan tinggi dan berpendidikan tinggi juga berlaku.

Bukan caranya untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah jenayah dan keruntuhan akhlak itu dengan membina penjara-penjara baru, menambah dan membesarkan penjara yang sedia ada, sekadar membanyakkan lagi pusat-pusat pemulihan penagih dadah, di mana semuanya memerlukan belanja yang besar, lebih besar dari membina rumah-rumah kos rendah untuk orang-orang miskin dan termiskin kerana sudah tentu bilik-bilik penjara, dindingnya lebih kebal daripada rumah biasa. Belanjanya lebih mahal.

Begitulah dengan pusat-pusat pemulihan yang memakan belanja yang besar. Adakah kita bertindak lebih meraikan dan bersifat belas kasihan kepada penjenayah-penjenayah dan mereka yang runtuh akhlaknya dengan membina tempat-tempat yang selesa untuk mereka lebih penting daripada bersimpati kepada orang-orang miskin yang termiskin. Sepatutnya Kerajaan mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang secara bersungguh-sungguh dan ikhlas.

Pihak PAS mengalu-alukan dan menganggap serius kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri ketika melawat

Johor tahun yang lalu untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan hukum hudud dan Barisan Nasional bermakna seluruh komponennya bersedia meminda perlembagaan, jika perlu kepada pindaan untuk tujuan itu. Sebenarnya tidak ada hudud ciptaan PAS atau sesiapa sahaja di kalangan manusia. Yang menetapkan hukum hudud ialah Allah SWT dan Rasul-Nya yang diberi hak oleh Allah SWT dalam perkara itu. Derafnya, Insya Allah, ia akan dikemukakan kepada semua pihak untuk menelitinya, apabila tiba masanya.

Walaupun hudud hanya sebahagian daripada hukum Islam yang terlalu banyak itu, tetapi ia sangat penting diamalkan. Penjelasan sebahagian daripadanya telah saya nyatakan dalam persidangan parlimen yang lalu. Dalam persidangan ini, saya ingin menjelaskan sebahagian lagi.

Tuan Yang di-Pertua, hukum hudud yang menjadi sebahagian dari hukum Islam mula diperkata dan diperbincangkan oleh berbagai pihak di akhir-akhir ini. Setelah Islam seperti diletakkan di kandang orang salah, yang menerima berbagai-bagai tuduhan dan tohmahan, namun demikian, Islam yang dipelihara oleh Allah SWT tidak boleh diperlakukan sewenang-wenang. Mereka yang bermusuhan dengan Islam dan anak-anak buahnya, terpinga-pinga oleh kegagalan berbagai-bagai cara untuk menyelesaikan masalah termasuk masalah yang diselesaikan melalui undang-undang ciptaan manusia menghadapi kebuntuan yang terdedah walaupun ada yang masih tidak mahu menyerah kalah dengan berbagai-bagai dalil.

Walaupun menjadi hasrat dan harapan semua yang

menggubal dan beramal dengan undang-undang untuk kebaikan masyarakat dan individu, memelihara keselamatan dan keamanan manusia dan menjaga semua yang berkait dengannya tetapi masih tidak mencapai hasrat, tujuan dan matlamatnya bahkan menunjukkan kesan negatif yang ketara menandakan kegagalan nyata di mana kadar jenayah makin bertambah, penurunan nilai dan martabat manusia berlaku di mana-mana sahaja.

Syariat Islam dari Allah SWT bukannya untuk diuji lagi bagi membuktikan keberkesanan dan kejayaannya. Sebenarnya ia telah membuktikan kejayaan yang sangat cemerlang sejak dilaksanakan di zaman Rasulullah SAW, zaman para Khulafak Ar-Rasyidin ra. dan selepasnya sehinggalah zaman khilafah dan daulah Islamiah yang akhir dan lemah ketika berada di ambang kejatuhannya, namun apabila syariah Islamiah diamalkan ia tetap memberi kesan mengatasi masalah manusia dan menjamin keamanan, ketenteraman dan keselamatan agama, nyawa, moral, keturunan dan harta benda.

Sebenarnya syariah Islamiah itu telah menempa keadilan sejagat yang mengatasi segala undang-undang ciptaan manusia. Keteguhan prinsipnya dan batas-batas sempadan yang tepat dengan naluri manusia dapat menjamin hak-hak dan segala kepentingan mereka yang berada di bawah pemeliharaan dan kawalannya sehingga terpelihara diri dan harga diri, maruah dan martabat manusia dalam aspek individu dan masyarakat kerana syariah Islamiah itu ciptaan Allah SWT yang Maha Adil, yang mencipta seluruh alam termasuklah manusia di sepanjang zaman dan di semua tempat.

Syariat sebelum nabi kita Muhammmad SAW diwahyukan

secara khusus menurut kaum dan masa nabi itu dilantik menjadi rasul, adapun nabi kita Muhammad SAW diutuskan menjadi rasul akhir zaman untuk seluruh manusia di sepanjang zaman dan semua tempat selepasnya, dan Allah SWT itu Maha Mengetahui segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam seluruh alam ini. Memang tidak boleh dibanding di antara syariah yang diredhoi oleh Allah SWT. Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang membawa masalah kepada hamba-Nya dengan undang-undang ciptaan manusia yang dilahirkan oleh akal manusia yang mempunyai kelemahan-kelemahan yang banyak termasuklah di kalangan manusia yang paling bijak yang tidak dapat membebaskan diri dari kongkongan hawa nafsu, tanpa petunjuk dari Allah SWT.

Syariat Islam itu jika dibandingkan dengan undang-undang ciptaan manusai sudah pasti mempunyai prinsip dan asal yang berbeza di samping mempunyai matlamat dan natijah yang berlainan kerana undang-undang Islam itu ciptaan Allah SWT untuk hamba-Nya yang mencakupi segala aspek yang berkaitan dengan manusia dalam jangka yang begitu panjang, dari dunia sehingga akhirat. Ada pun undang-undang ciptaan manusia itu bersumberkan daripada akal fikiran, walau bagaimana luas pandangannya dan tahap kebijaksanaan dan kepintarannya, ia tidak dapat membebaskan diri daripada menjadi tawanan hawa nafsu dan perasaan yang dikongkong oleh sifat-sifat kelemahan. Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Quran Karim yang bermaksud:

“Nampakkah wahai Muhammad, orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipuja lagi ditaati, maka dapatkah engkau menjadi pengawal yang menjaganya jangan sesat atau adakah engkau menyangka bahawa

kebanyakan mereka mendengar atau memahami apa yang engkau sampaikan kepada mereka? Mereka hanyalah seperti binatang, bahkan mereka lebih sesat lagi."

Allah SWT menegaskan yang bermaksud:

"Kemudian kami jadikan engkau wahai Muhammad, berada di atas syariat yang lengkap dari hukum agama, maka ikutlah perintah-Nya, maka janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui."

Allah SWT menamakan yang lain daripada syariatnya adalah 'hawa nafsu' menunjukkan betapa batilnya, bukan sahaja diharamkan kepada orang-orang yang beriman mempercayai dan beramal dengannya, bahkan ia membawa akibat buruk di dunia dan di akhirat.

Hal ini ternyata dengan kegagalan undang-undang ciptaan manusia di seluruh dunia di mana kesannya dapat dilihat dan dirasa oleh mereka yang insaf. Memandangkan betapa berhajatnya manusia untuk mengatasi kemungkaran yang berleluasa, mengganggu manusia dan mengancam keperibadian mereka di mana-mana sahaja, walaupun masih ramai yang masih degil maka sudah tibalah masanya kita memperkenalkan sekali lagi dan memperingatkan kepada mereka bahawa adanya syariat Islam yang wajib diamalkan, mudah-mudahan mereka kembali berfikir secara adil.

12. Syariat Islam

Saya kemukakan dahulu penjelasan berkenaan dengan hukum hudud dalam Dewan yang lalu kerana ia paling dicerca oleh golongan anti-Islam dan seringkali diberi gambaran yang salah dan mengelirukan dengan tujuan untuk meliarkan

manusia daripada hukum Allah seluruhnya. Syariat Islam itu berdasarkan kepada 3 peranan yang sangat penting mengapa manusia dicipta? Maka untuk ketiga peranan itu syariat Islam diwajibkan oleh Allah kepada manusia supaya beramal dengannya, supaya tidak terpesong daripada peranan yang sebenar dan matlamat dalam pembinaan insan yang sebenarnya.

Ketiga-tiga perkara itu, yang pertama ialah ibadah, yang kedua khilafah dan ketiga amanah. Ibadah dengan makna, manusia mestilah patuh kepada hukum Allah SWT secara mengabdikan diri sebagaimana makhluk-makhluk yang lain yang ada di dalam alam ini sama ada langit, bumi dan segala-galanya. Cakerawala yang ada di langit, matahari, bulan, bintang beredar mengikut undang-undang tabii yang ditetapkan kepada mereka oleh Allah. Begitulah dengan makhluk yang lain yang ada di bumi dan manusia yang menjadi sebahagian daripada makhluk juga mempunyai undang-undang yang ditetapkan oleh Allah.

Di antara undang-undang itu, yang diberi kata putus, dan di antara undang-undang itu selanjutnya, yang diizinkan kepada manusia mengkaji dengan akalanya sendiri yang diberi kepadanya oleh Allah SWT.

Yang kedua, peranan khilafah. Iaitu memerintah bumi, mentadbir bumi, mentadbir segala bidang, politik, ekonomi dan lain-lain; mentadbir dengan keizinan dari Allah SWT dengan undang-undang yang ditetapkan sama ada undang-undang yang ditetapkan secara khusus atau dasar umum, manusia boleh berfikir dan meletakkan di bawah dasar umum itu mengikut kebijaksanaan yang diberi kepadanya oleh Allah SWT.

Yang ketiga, peranan amanah. Islam meletakkan bahawa memimpin negara dan memimpin masyarakat sebahagian daripada amanah yang ditunaikan. Amanah bukan sahaja dalam masalah menyimpan harta benda dan seumpamanya; termasuklah amanah itu di dalam melaksanakan undang-undang yang diwajibkan oleh Allah SWT.

Ketiga-tiga prinsip ini tidak wujud dalam undang-undang ciptaan manusia menyebabkan tidak dirasa suatu tanggungjawab yang menyeluruh dan menguasai diri manusia sehingga ia sangat berbeza dengan syariat Islam, bukan sahaja dari segi prinsip tersebut, tetapi juga dari segi pendedahannya kepada manusia. Syariat Islam itu dibentangkan kepada seluruh tindakan manusia, zahir dan batin atau roh dan jasad. Berbeza dengan undang-undang ciptaan manusia di mana ia memberi perhatian hanya kepada sebahagian daripada amalan-amalan zahir, bukan kepada semua aspeknya, di samping tidak ada aspek roh yang menjadi sebahagian daripada naluri manusia.

Dalam hal ini, undang-undang Islam memberi penekanan dalam dua perkara yang penting; yang pertama dalam hubungan manusia dengan Tuhan yang menciptanya dan hubungan manusia dengan sesama manusia. Oleh itu, maka ia membawa dua maslahat, iaitu maslahat dunia dan maslahat akhirat. Perkara ini bukan sahaja dalam urusan ibadat, tetapi juga dalam urusan duniawi, dalam urusan muamalat, munakahat, jenayat dan lain-lain. Contohnya dalam perkara jual beli yang berkaitan dengan perniagaan.

Hukumnya yang zahir berkait dengan akad jual beli yang sah, sama ada secara lisan ataupun secara surat perjanjian; si penjual mestilah dengan syarat-syaratnya, pembeli barang

yang dijual dan harga; ada pun hukumnya yang batin berkait dengan wajib dalam perkara yang sangat perlu adalah diberi pahala. Umpamanya, menjual barang-barang keperluan asas adalah wajib dan ada yang berkait dengan haram menyogok barang-barang. Ini haram bukan sahaja mengikut undang-undang, tetapi mengikut hukum yang menguasai rohani manusia yang berkait dengan sunat, makruh, harus dan lain-lain.

Dalam perkara jenayah pula, hukum qisas, hudud dan takzir merupakan hukuman zahir, dosa pahala yang dikaitkan dengan selepas mati dan dibangkitkan semula pada hari akhirat merupakan hukuman yang menguasai roh, yang menguasai batin manusia itu. Oleh itu, maka dalam perkara yang berkait dengan jenayah Islam, dengan jenayah, Islam mencegahnya melalui penguasaan hati dan roh dalam hubungan beriman kepada Allah dan beribadat kepada-Nya dan beriman kepada hari akhirat, dan hukuman zahir melalui deraan-deraan yang dikenakan kepada jasad sama ada yang dinamakan qisas, yang dinamakan hudud ataupun takzir seperti hukuman bunuh, hukuman sebat, hukuman penjara, denda dan lain-lain lagi.

Oleh kerana penekanan dalam masalah undang-undang jenayah menjadi perbualan umum, saya suka menjelaskan sekali lagi untuk menjadi titik tolak perbincangan kita seterusnya. Islam membahagikan undang-undang jenayah itu kepada tiga bahagian.

Yang pertama: Qisas, iaitulah hukuman balas yang setimpal dalam jenayah meluka atau mencederakan yang dinyatakan secara nas oleh al-Quran dan as-Sunnah dalam perkara yang berkait dengan hak manusia.

Yang kedua: Hudud, iaitu hukuman yang dihadkan kadarnya oleh syarak dalam jenayah yang dikaitkan dengan hak Allah, yang dimaksudkan ialah kepentingan umum dalam perkara yang dengan kepentingan orang ramai atau masyarakat.

Yang ketiga: Takzir, iaitu dalam perkara yang tidak dinasakan oleh syarak, maka diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah untuk menentukannya di atas prinsip amar makruf dan nahi mungkar dan menjaga kepentingan agama dan dunia dengan seadil-adilnya. Oleh kerana kita mahu menumpukan penjelasan berkenaan dengan hukum hudud, disebabkan desakan yang memerlukan penjelasan, maka saya mencuba untuk menjelaskannya secara ringkas setelah dijelaskan dalam persidangan yang lalu, supaya undang-undang ini tidak berlaku sewenang-wenang.

Islam telah menetapkan syarat-syarat yang terlalu ketat berhubung dengan penyaksian dalam perkara ikrar, pengakuan kepada sesuatu kesalahan mestilah oleh orang yang berakal secara sukarela, bukan secara paksaan, dalam keadaan siuman, tidak mabuk dan gila. Orang yang berikrar boleh menarik balik, walaupun ketika hukuman sedang dilakukan dan hukuman itu hendaklah diberhentikan. Mengikut undang-undang Islam, sekiranya seorang itu disebat dan dengan sebab pengakuan kesalahan, sedang disebat dia menarik balik pengakuannya, maka hukuman itu hendaklah dihentikan.

Oleh kerana itu, di masa hukuman dijalankan, tidak boleh diikat dan digari. Begitu juga dalam perkara saksi, mestilah dari kalangan orang-orang yang layak, bukan sahaja pancaindera dan akal fikiran, tetapi juga akhlak-akhlak yang mulia

yakni tidak fasik dengan melakukan dosa-dosa besar, mengekali dosa-dosa kecil dan melakukan perkara yang menjatuhkan maruah walaupun tidak haram, sebarang syarat kekurangan, syarat saksi ataupun menarik balik penyaksian, maka tuduhan digugurkan di mana para penguam dibenarkan untuk meneliti semua perkara ini, bukan sahaja para hakim.

Kemudian hudud tidak boleh dijatuhkan sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat, bukan sahaja dengan kes itu, bahkan yang berkait dengan suasana dan peribadi. Hukuman hudud yang berkait dengan pencurian sebagai contoh, tidak boleh dijatuhkan sekiranya barang yang dicuri tidak sampai nisab harga yang ditetapkan. Tidak boleh dikenakan hudud barang yang dicuri di tempat yang tidak patut. Tidak boleh dicuri dalam hubungan kekeluargaan. Anak yang mencuri barang ayah tidak boleh dijatuhkan hudud, dikenakan takzir. Isteri yang mencuri barang suami tidak boleh dikenakan hudud kerana ada berkait dengan kewajipan nafkah. Kadang-kadang isteri wajib mencuri kalau suami bakhil.

Tuan Yang di-Pertua, Islam menggalakkan pengampunan mereka yang melakukan jenayah, kemudian dia sedar dan insaf tanpa diketahui oleh pihak yang berkenaan dia bertaubat secara bersembunyi. Seorang yang melakukan kesalahan zina, yang melakukan kesalahan mencuri secara bersembunyi yang tidak diketahui oleh orang, mengikut hukum Islam, walaupun ada keizinan untuk berikrar, kerana sedar dan insaf untuk menerima hukuman dunia, tetapi mengikut hukum Islam, lebih baik dia bersembunyi dan bertaubat secara bersembunyi kepada Tuhan kerana sabda Rasulullah SAW:

"Sesiapa yang melakukan kesalahan yang dikenakan

hukuman hudud secara bersembunyi, setelah dia sedar dan insaf, maka dia hendaklah bertaubat kepada Allah, tidak perlu menyerah diri, tetapi apabila dia menyerah diri kepadaku, maka aku mestilah menjatuhkan hukuman kepadanya."

Mereka yang tidak boleh disabitkan kesalahan qisas dan hudud, tetapi ternyata dia seorang yang tidak boleh dipercayai, cuma tidak dapat dibuktikan oleh pemerintah, dan pemerintah diberi hak untuk menjatuhkan hukuman takzir. Sebagai suatu contoh, seorang yang dikenakan hukuman qisas dibenarkan keluarga yang menjadi mangsa jenayah memaafkan orang yang melakukan jenayah dan boleh dimaafkan dengan bayaran gantirugi dan seumpamanya. Sekiranya seorang yang dimaafkan itu seorang penjenayah, walaupun dia dimaafkan, kalau dia dimaafkan akan menjadi merbahaya, maka diberi kebenaran kepada pemerintah untuk melakukan hukuman takzir.

Ini adalah di antara perkara-perkara yang berkait dengan pelaksanaan hukuman tersebut. Dalam menguatkuasakan undang-undang, Islam lebih menekankan tujuan mendidik masyarakat, bukannya mendera. Untuk menjatuhkan hukuman terlalu payah, tetapi undang-undang akan menggerunkan penjenayah akhlak dan sebagainya. Hendak menjatuhkan undang-undang terlalu payah dengan syarat-syarat yang ketat, mungkin terlalu payah untuk mensabitkan suatu kes, kerana syarat yang berkait dengan saksi yang berkait dengan orang yang berkenaan, yang berkait dengan hal-hal yang lain terlalu payah, tetapi hukuman itu sungguh menggerunkan dan kita melihat sebelum lagi dikuatkuasakan sudah menggerunkan.

Masalahnya sekarang kita bukan sahaja gagal mendidik masyarakat dengan undang-undang, dan lebih malang lagi kalau dijadikan undang-undang itu untuk menambah pendapatan, untuk membalas dendam kepada sesiapa, undang-undang untuk menambah pendapatan negara melalui denda-denda, undang-undang untuk membalas dendam kerana kecenderungan menyalahgunakan undang-undang itu kepada orang-orang yang tertentu dan golongan yang tertentu seperti undang-undang ISA, OSA, dan mungkin ada lagi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keruntuhan akhlak melibatkan pelajar sehingga di kalangan yang paling mentah, maka Kerajaan perlu menguji semula dasar pelajaran dari masa ke semasa kerana menurut Islam, semua ilmu sama ada dunia ataupun akhirat mestilah berdasarkan kepada keyakinan kepada Tuhan "Ikrah bismi-Rabbikallazi kholaq".

"Bacalah dengan nama Tuhanmu", sama ada ilmu dunia ataupun ilmu akhirat, ilmu kebendaan ataupun ilmu kerohanian. Inilah ilmu yang membina manusia supaya manusia itu menjadi khalifah di dalam mentadbir ekonomi, mentadbir politik, mentadbir segala-galanya, bukan pembinaan insan itu supaya menjadi pakar, kemudian dia menjadi alat kepada ekonomi, bukan ekonomi menjadi alat kepadanya.

13. Bukan Secara Jumud

Ini adalah suatu perkara yang perlu difahami. Kita meragui bukan secara jumud, tetapi secara hujah yang boleh dibincangkan berhubung dengan segala langkah dan strategi yang diambil ke arah menjadikan Malaysia yang kita cintai ini sebuah negara maju meliputi teknologi dan insan kerana tidak

dibina di atas prinsip aqidah yang membetulkan perjalanannya projek pembangunan insan yang terlalu kurang dan tidak tepat kalau dibandingkan dengan lonjakan untuk memesatkan pembangunan material, walaupun termasuk di dalamnya menonjolkan zakat yang menjadi sebahagian daripada rukun Islam untuk menanamkan rasa tanggungjawab dan kasih sayang kepada mereka yang tidak baik pendapatannya di atas dasar ibadat. Dan dalam Belanjawan kali ini ditonjolkan zakat. Zakat itu mestilah di atas dasar ibadat, bukan di atas dasar untuk mendapat duit orang ramai sahaja. Mungkin pembagiannya akan diubah dan tidak mustahil Kerajaan bertindak menjadi amil yang memungut zakat akan menjadikan bahagian amil itu lebih besar daripada bahagian-bahagian yang lain.

Tuan yang di-Pertua, apakah kita tidak menyedari bahawa pembangunan negara maju seperti Jepun sebenarnya bermula daripada pembinaan peribadi; pengetahuan dan kemahiran belum cukup, jika tidak disertai dengan kesedaran dan kefahaman yang menjadi aqidah yang memerintah hati supaya menjadi betul dan ikhlas dalam semua tindakannya. Islam adalah satu-satunya faktor yang dapat membentuk jiwa dan pemikiran di negara ini; tanpanya kita tidak dapat membina martabat, bangsa dan negara sehingga dapat menghadapi tekanan-tekanan yang mesti berlaku dalam semua bidang.

Adakah kerajaan mempunyai sikap kritikal terhadap negara-negara besar di bidang industri seperti Amerika yang boleh memberi tekanan bila-bila masa sahaja terhadap pertumbuhan ekonomi negara? Apakah usaha-usaha dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut di mana terdapat orientasi

eksport tidak dapat mengatasi tekanan-tekanan biasa kerana bergantung kepada pasaran luar negara, yang di luar kawalan serta dipengaruhi oleh kuasa-kuasa besar.

Kebanyakan industri adalah dikuasai oleh pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur asing. GSP dikawal oleh negara-negara industri. Adakah EAEC yang bakal membentuk menyediakan ataupun menyediakan pasaran bebas yang dapat membebaskan ekonomi kita daripada dikuasai atau dipengaruhi oleh Amerika dan lain-lain lagi? Adakah rancangan Kerajaan secara konkrit untuk memastikan pembentukan perdagangan bebas ASEAN, AFTA akan benar-benar berjaya? Apakah disiplin di dalamnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Sini, Yang Berhormat. Dia minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada sahabat saya. Apabila beliau menegaskan masalah EAEC, saya ingin bertanya sama ada parti beliau menyokong EAEC?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong EAEC jika sekiranya mencapai matlamat untuk membebaskan rantau ini amnya dan negara kita khususnya daripada kongkongan Amerika, dan hasrat itu hendaklah dilaksanakan dan tidak boleh tunduk kepada pengaruh-pengaruh yang boleh menekan kepada matlamat dan hasil penubuhannya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, apakah disiplin dalaman untuk

membentuk jiwa rakyat dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya langkah-langkah yang lebih mendidik menjadi pemalas dan tidak berkat diteruskan seperti bergantung kepada bantuan semata-mata, terutamanya menjadi mangsa kepentingan politik semata-mata dalam pelaburan ASN dan ASB yang masih tidak dijelaskan halal-haramnya, mendidik menjadi pemalas dengan mengharapkan sedikit keuntungan yang tidak banyak memberi kesan kepada perubahan ekonomi di kalangan rakyat marhein dan penumpuan kepada pelabur-pelabur asing yang tidak menjamin pemindahan teknologi dengan cara yang memungkinkan tidak bergantung kepada negara-negara lain. Mengapa Kerajaan terlalu mangawal pemberian tender projek-projek besar dan menggunakan kos perbelanjaan yang tinggi? Mengapa perlu diberi peruntukan lagi kepada HICOM? Apakah projek-projek yang hendak dilaksanakan?

(Tepuk)

Tuan Shahidan bin Kassim: (bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi ini iaitu berhubung dengan ASN dan ASB, kenyataan Yang Berhormat tadi menyebut bahawa ini menyebabkan tidak ada daya-usaha daripada rakyat. Kalau sekiranya skim ini dibuat, ia menyebabkan mereka menjadi malas. Semasa saya dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara, kita ada wakil PAS dalam sana dan juga wakil-wakil lain. Mereka menentang dan juga mengkritikan Kerajaan habis-habisan oleh kerana pegangan bumiputera yang begitu rendah.

Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, oleh kerana pegangan daripada sektor amanah ini yang menyebabkan pegangan bumiputera telah naik sampai 19% daripada 4% pegangan individu. Jadi, apakah program khusus yang Yang Berhormat fikir untuk membolehkan bumiputera dan orang-orang Islam terutamanya dapat memegang ekuiti yang lebih yang membolehkan mereka berada dalam keadaan yang senang dan stabil sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam, oleh kerana Yang Berhormat menganggap pegangan dalam sektor ASN dan ASB itu menyebabkan mereka itu malas?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan secara detil telah dikemukakan oleh wakil PAS dalam MAPEN. Sebelum daripada kita mengundurkan diri, kami telah mengemukakan cadangan-cadangan dan kertaskerja-kertaskerja boleh dikaji oleh pihak yang berkenaan. Apa yang menjadi masalah ialah:

- i) Masalah yang berkait dengan prinsip keagamaan sebagaimana yang saya tegaskan tadi sehingga hari ini tidak ada kenyataan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan.
- ii) Tidak ada kenyataan daripada Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan berkait dengan amalan yang dilakukan oleh ASN dan ASB: dan
- iii) Apa yang mendukacitakan, ia kadang-kadang digunakan sebagai satu cara untuk mendapat keuntungan, secara yang tidak bekerja keras, secara tidak mengeluarkan keringat, melalui keuntungan yang mudah dan senang, bukan melalui kerja-kerja yang mendidik dan dilakukan oleh mereka. Dan lebih mendukacitakan lagi, ianya digunakan untuk menjadi bahan-bahan sama ada dalam pertandingan

politik pilihanraya ataupun pertarungan di dalam UMNO dan parti Barisan Nasional. Dan ini merupakan perkara-perkara yang perlu dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa Kerajaan terlalu mengawal tender pemberian projek-projek besar dan menggunakan kos perbelanjaan yang tinggi? Mengapa perlu diberi peruntukan lagi kepada HICOM? (tepuk) Apakah projek-projek yang hendak dilaksanakan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (bangun)

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di manakah garis panduan program penswastan yang...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan mengenai ASN dan ASB. Kalau kenyataan sahabat saya ini berani diulang di luar, saya takut pengikut-pengikut PAS juga akan marah kepadanya. Jadi, saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat dari Marang ini akan menyeru kepada seluruh Ahli-ahli PAS supaya tidak melabur dalam ASN dan ASB?

Yang keduanya, adakah saudara pasti bahawa Ahli-ahli PAS juga tidak melabur dalam ASN dan ASB?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kerja itu kami telah buat dan Alhamdulillah, sebahagian daripada Ahli PAS yang faham, ada yang tarik balik pelaburannya daripada ASN dan ASB.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah garis panduan program penswastan yang sebenarnya dan berbagai-bagai persoalan daripada perkara yang tersirat di sebalik ucapan Belanjawan yang tidak dinyatakan supaya ianya tidak menjadi indah

khobar dari rupa dan “cakap tidak serupa bikin”.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang baik adalah dari Allah dan yang lemah adalah dari saya sendiri. Dan yang baik, kami memberi nasihat. Dan yang terlalu tidak baik, kami membangkang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

LAMPIRAN

Antara Program PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau yang telah disiarkan oleh akhbar-akhbar.

● *Harakah 19 Julai 1991*

SUKAN RAKYAT PAS BALIK PULAU DAPAT SAMBUTAN HANGAT

Balik Pulau: 'Sukan Rakyat Warisan Long Tambang' yang dianjurkan oleh PAS Cawangan Pulau Betong, Balik Pulau dengan kerjasama Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada 14 Julai lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat tempatan.

Sukan rakyat tersebut berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Seramai lebih seribu orang hadirin terdiri daripada penduduk tempatan telah keluar untuk menyaksikan program yang pertama kali diadakan.

Antara acara menarik yang diadakan adalah demonstrasi memadam api dari Jabatan Bomba, pertandingan mencari khazanah, pertandingan menutup aurat bagi kanak-kanak perempuan, pertandingan barang-barang antik, pertandingan menganyam sarung cempedak, pertandingan buah-buahan tempatan, membuat tangkul ketam, pertandingan sepak raga,

tarik tali dan pertandingan menulis kaligrafi Cina dan tulisan jawi. Untuk kaum wanita pula diadakan pertandingan kuih tradisional.

“Apa yang menarik dalam sukan rakyat ini ialah penyertaan menggalakkan dari peringkat kecil hinggalah orang dewasa. Dalam acara mencari khazanah, mereka mencarinya dengan menunggang basikal dan ada juga menaiki motosikal.

“Begitu juga dengan acara lain seperti demonstrasi Jabatan Bomba yang mengajar orang ramai kaedah memadam api bila berlaku sesuatu kebakaran.” Ujar Haji Mohammad Hashim, Yang Dipertua PAS Kawasan Balik Pulau.

Beliau yang juga selaku pengarah program berkata, para pelancong yang melawat Pulau Pinang turut tertarik dan menyaksikan sukan rakyat itu.

Acara melelong barang-barang yang telah dipertandingkan juga mendapat sambutan hebat daripada para pengunjung terutamanya mereka yang berketurunan Cina. Antara barangan yang dilelong adalah sarung cempedak, buah-buahan dan lain-lain lagi.

“Keseronokan dirasakan apabila harga lelongan itu dapat tawaran tinggi sehingga \$30 dan kemudian didermakan kembali,” ujar Saudar Mohammad Hashim.

Menurutnya, tujuan program ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa kegiatan sukan dan ekonomi tidak dapat dipisahkan daripada Islam.

“Apa yang penting ialah untuk menyorot kembali sejarah warisan Long Tambang sebagai peneroka asal kampung ini. Beliau juga melibatkan diri dalam perniagaan dan berjuang

untuk melepaskan diri dari cengkaman penjajahan suatu ketika dulu," jelas beliau.

Para pemenang dalam acara yang dipertandingkan mendapat hadiah daripada penaja. Saguhati juga diberikan kepada mereka yang mengambil bahagian.

Hadiah kepada para pemenang disumbangkan oleh Koperasi Al-Hilal, beberapa syarikat swasta dan orang perseorangan.



Sukan Rakyat.

● *Harakah 6 September 1991*

PAS BALIK PULAU LANCAR PASAR NEGARA

Pulau Pinang: PAS Kawasan Balik Pulau dengan kerjasama Badan Perhubungan PAS Negeri melalui Lujnah Ekonomi dan Pembangunan berjaya menganjurkan Pasar Negara di Sungai Tiram, Bayan Lepas pada 1 September lalu.

Pasar yang memuatkan dengan berbagai jualan seperti ikan, minuman, makanan, ubat-ubatan, buku-buku dan seumpamanya merupakan projek julung kalinya diadakan di sini.

Pasar ini menampilkan gabungan ciri-ciri Pasar Tani dan Pasar Seni di Kuala Lumpur, Pasar Tamu di Sabah dan Pasar Borong di Rope Walk.

Pasar Negara yang bermula jam 7.30 pagi sehingga 12.30 tengahari setiap Ahad itu dilancarkan dengan rasminya oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gaal, Saudara Mohammad Hussain mewakili Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang tidak dapat hadir di hari tersebut.

Seorang peniaga di situ, Encik Abdul Hadi Ismail melahirkan perasaan gembira kerana dapat menjalankan perniagaan di situ.

Katanya lagi, adanya Pasar Negara ini memudahkan masyarakat di situ membeli segala barangan yang dijual tanpa pergi lebih jauh ke pekan setiap pagi Ahad.

Sementara itu, Saudara Abu Hassan Puteh pula memuji sikap PAS kawasan Balik Pulau kerana bersedia memenuhi kehendak orang ramai dengan melancarkan Pasar Negara.

Beliau yang menjual ikan di hari tersebut berkata, bukan sahaja kami mendapat untung malahan PAS pun memperolehinya sama melalui sewaan tapak gerai yang dikenakan.

Manakala seorang suri rumah, Puan Zainab Amin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAS Kawasan Balik Pulau kerana mengadakan pasar sebegini untuk kemudahan membeli-belah tanpa pergi jauh ke pekan hujung minggu. Katanya lagi, sekurang-kurangnya menjimatkan tambang dan masa untuk ke pekan.

Sebelum itu, YDP PAS Balik Pulau merangkap Pengerusi Lujnah Ekonomi dan Pembangunan PAS Negeri, Saudara Mohammad Hashim menegaskan dalam ucapannya bahawa antara tujuan utama pelancaran ini ialah untuk mempertingkatkan ekonomi di kalangan umat Islam di sini yang mana diabaikan oleh kerajaan sekarang.



● *Watan 11 September 1991*

**KETUA MENTERI MELAYU:
PAS SEDIA BANTU BN**

Pulau Pinang: PAS Pulau Pinang tidak keberatan untuk berkerjasama dengan Barisan Nasional bagi memastikan orang Melayu menjadi Ketua Menteri di negeri ini.

Walau bagaimanapun kerjasama itu hanya boleh dibuat jika PAS berupaya memenangi tiga atau empat kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya akan datang.

Pengerusi Lujnah Ekonomi dan Pembangunan PAS Negeri, Haji Mohammad Hashim berkata kerjasama ini berdasarkan kepada kedudukan PAS yang akan menjadi kuasa penentu dalam pemerintahan Barisan Nasional di Pulau Pinang.

Berucap di Majlis Pelancaran Pasar Negara di Markaz PAS di Sungai Tiram baru-baru ini, Haji Mohammad Hashim juga menolak anggapan sebilangan masyarakat di sini kononnya Pulau Pinang akan diperintah oleh DAP sekiranya PAS berjaya di Pulau Pinang. "Dakwaan itu hanya palsu semata-mata. Semua itu adalah mainan politik pihak tertentu yang berniat untuk memecah-belah serta menjatuhkan PAS."

Haji Mohammad Hashim juga menegaskan penyertaan PAS Pulau Pinang dalam pilihanraya lalu tidak sepatutnya dipertikaikan sebagai penyertaan sebuah parti pembangkang sepenuhnya, sebaliknya hendaklah diterima sebagai sebuah parti pendesak bagi mencari tempat untuk orang Melayu menjadi Ketua Menteri.

Beliau yang juga Ketua PAS Balik Pulau menyifatkan kekalahan parti itu di Pulau Pinang turut melenyapkan cita-

cita masyarakat Islam untuk melihat orang Melayu memegang tampok pemerintahan negeri.

Haji Mohammad Hashim juga menyifatkan kemenangan UMNO di beberapa kerusi dalam pilihanraya lalu sebagai tidak bermakna kerana masih lagi gagal untuk meletakkan orang Melayu sebagai Ketua Menteri.

“Kalau kita menang tiga atau empat kerusi dalam pilihanraya yang lalu, kita tetap akan mendesak Barisan Nasional supaya meletakkan orang Melayu sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang.

“Mereka mendakwa UMNO ingin menjaga kepentingan Melayu, tapi mereka enggan menerima PAS, walaupun mereka tahu dengan bekerjasama itu mereka boleh menjaga kepentingan orang Melayu.

“Kita tidak boleh berbuat apa-apa dengan keadaan ini, tetapi kita tetap akan menjadi pembangkang yang lebih tinggi kedudukannya di Pulau Pinang,” tambah beliau lagi.

Bercakap mengenai Pasar Negara, Haji Mohammad Hashim berkata, ia dilancarkan selaras dengan hasrat parti itu untuk membantu masyarakat Islam di Pulau Pinang melibatkan diri dalam bidang ekonomi.

● *Watan 11 September 1991*

JAMINAN KERAJAAN PAS LAKSANA HUKUM ISLAM: BUKAN ISLAM JANGAN RISAU

Pulau Pinang: Kerajaan Kelantan sekali lagi memberi jaminan kepada rakyat bukan Islam supaya tidak khuatir dengan dasar pemerintahan Angkatan yang memberi keadilan kepada semua pihak.

ADUN Gaal, Encik Mohammad Husin berkata, sebagai kerajaan yang cuba menghayati dasar Islam, Angkatan tidak akan menganiaya bukan Islam kerana "ia bertentangan dengan kehendak Allah."

Berucap di Majlis Perlancaran Pasar Negara di Markaz PAS Sungai Tiram, Bayan Lepas, Encik Mohammad berkata, Kerajaan Kelantan akan menjadikan pemerintahannya sebagai contoh yang boleh diikuti oleh negeri lain.

"Kita sedang berusaha untuk menjalankan pemerintahan yang bersih dan bukannya kerajaan yang sentiasa mengambil kesempatan dari kuasa yang kita miliki," ujarnya.

Beliau berkata usaha kerajaan negeri ini jelas dengan kemenangan calon Semangat 46 dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Limbongan dan Sungai Pinang baru-baru ini.

"Kita telah mencapai kemenangan yang paling bersih. Kita tidak mengambil peluang melalui kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri untuk berkempen. Malah jentera Kerajaan Negeri tidak terusik sedikit pun dalam pilihanraya kecil ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional yang menggunakan separuhnya kuasa dan jentera pusat untuk

menang. Malah apa yang menyedihkan mereka sanggup memaksa pengundi di sesetengah kawasan supaya menyertai UMNO dengan pelbagai ugutan," kata beliau lagi.

Menyentuh tentang ulasan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahawa kekalahan calon parti itu dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang dan Limbongan, 'adalah kalah dalam menang,' Encik Mohammad berkata tafsiran itu tidak akan memberi apa-apa kesan kerajaan Kelantan.

Menurut beliau lagi kerajaan Kelantan juga akan menghidupkan semula negeri Kelantan sebagai 'Serambi Mekah' dan menjadikannya sebagai pusat pengetahuan dan perkembangan Islam seperti dahulu.

Beliau juga menegur pemimpin-pemimpin UMNO, MIC dan MCA yang menurut pendapatnya gagal memperjuangkan nasib kaum sendiri kerana terlalu terikat dengan dasar dan kuasa Barisan Nasional. Keadaan ini katanya amat berbeza dengan PAS yang mampu membela nasib umat Islam berbe-balkan pendiriannya yang tersendiri dan tidak perlu tunduk serta terikat dengan mana-mana pihak.

UMAT ISLAM DIJEMPUT LAWAT KELANTAN

Pulau Pinang: Kerajaan PAS Kelantan mempelawa orang-orang Islam negeri ini melawat Kelantan bagi melihat sendiri pencapaian masyarakat Islam di sana khususnya dalam bidang ekonomi.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Kawasan Gaal, Ustaz Mohammad Hussain, pelawaan itu berdasarkan keikhlasan Kerajaan Angkatan terhadap masyarakat Islam di Pulau Pinang setelah melihat mereka ketinggalan di bidang ekonomi sekarang ini.

Ustaz Mohammad Hussain berucap merasmikan Pasar Negara anjuran PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau dengan kerjasama Lujnah Ekonomi dan Pembangunan PAS negeri itu sebagai mewakili Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Mat yang tidak dapat hadir.

“Ekonomi umat Islam perlu dipertingkatkan agar bertepatan dengan kehendak Islam,” katanya.

Menurut beliau pelancaran Pasar Negara amat bersesuaian sekali untuk membantu ekonomi masyarakat Islam negeri itu apatah lagi memandangkan kepimpinan Barisan Nasional yang mengambil sikap sambil lewa sahaja.

“Kita boleh bangga dengan pembangunan, kemajuan dan kilang yang besar-besar tetapi apakah yang diperolehi oleh masyarakat Islam?” katanya ketika mempersoalkan janji-janji seorang pemimpin UMNO semasa menjadi pemimpin ABIM tidak lama dulu.

● *Watan 11 September 1991*

PASAR NEGARA ANJURAN PAS

Pulau Pinang: 'Pasar Negara' anjuran PAS Parlimen Balik Pulau dengan kerjasama Lujnah Ekonomi dan Pembangunan PAS Pulau Pinang telah berjaya menarik perhatian orang ramai khususnya masyarakat Melayu.

Pasar Negara itu merupakan kegiatan pertama berbentuk aktiviti ekonomi parti tersebut yang dibuat secara pasar minggu.

Sebelum pelancaran pasar tersebut, pemedang-pemedang dan poster-poster yang direntang dan dilekatkan di merata tempat menyatakan bahawa Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Mat akan merasmikannya.

Ekoran poster dan pemedang yang dipasangkan itu, timbul pelbagai reaksi daripada orang ramai tentang kemampuan PAS melancarkan pasar yang besar serta lengkap itu, apatah lagi di Markaz PAS Sungai Tiram yang agak kecil kawasanya.

Namun demikian pada jam 9.30 pagi, 1 September lalu sambutan orang ramai adalah di luar dugaan sehinggakan kawasan yang kecil itu tidak dapat menampung bilangan pengunjung yang datang.

Walaupun Haji Nik Aziz tidak dapat merasmikan pasar tersebut di atas sebab-sebab tertentu, dan diganti oleh wakilnya, Ustaz Mohammad Hussain, namun majlis tersebut tetap mendapat perhatian.

Orang ramai telah memberi tumpuan utama di meja

penjualan buku yang menawarkan potongan diskaun yang menarik. Antara judul buku yang dijual ialah 'Kelantan, Harapan, Cabaran' dan 'Visi Mampukah Ulama Mentadbir' karangan Tarmizi Mohd Jam.

Di samping itu, terdapat juga gerai yang menjual makanan, sayuran serta ubat-ubatan.

Menurut Pengerusi Lujnah Ekonomi dan Pembangunan PAS Pulau Pinang, Haji Mohd Hashim, pasar itu sebagai perintis untuk melancarkan pasar yang seterusnya di negeri itu.

Pasar Negera itu merupakan gabungan kepada pasar tani di Semenanjung, Pasar Tamu di Sabah, Pasar Seni di Ibu Kota dan Pasar Borong Negeri, akan dibuka setiap minggu berdasarkan tuntutan pengguna dan peniaga serta memberi peluang dan kemudahan kepada masyarakat.

Haji Mohd Hashim berkata pasar itu bermula dari jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengahari setiap Ahad dan orang ramai yang berminat menyertainya boleh menghubungi pejabat PAS di sini melalui telefon: 04-843543.

● *Watan 11 September 1991*

MERDEKA APABILA TERIMA ISLAM

— MUHAMMAD HUSEIN

Pulau Pinang: Kemerdekaan yang sebenarnya ialah bebasnya daripada belunggu penjajahan dari segi sosial, ekonomi serta politik. Selagi ianya tidak berteraskan Islam selagi itulah kemerdekaan yang sebenar belum di kecap.

Begitulah ucapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Gaal, Saudara Mohammad Hussain ketika merasmikan Pasar Negara anjuran PAS kawasan Balik Pulau Ahad lepas bertempat di Sungai Tiram dekat sini.

Beliau yang menggantikan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz berpendapat, sebenarnya kita belum bebas dalam erti kata yang sebenarnya apabila banyak lagi perkara bersifat menjajah masih menjadi pegangan sehingga hari ini.

Namun begitu, katanya, adanya Pasar Negara ini sedikit sebanyak menghapuskan belunggu penjajahan dari sudut ekonomi.

“Adanya Pasar Negara ini membolehkan kita menjual-beli mengikut kehendak Islam dan seterusnya menghapuskan sisa-sisa penjajah dari sudut ekonomi,” terang Saudara Mohammad Hussain.

Menurutnya, UMNO sudah lama menipu umat Islam negeri ini kononnya bersedia untuk mempertingkatkan tahap ekonomi selaras dengan wawasan negara tetapi sebaliknya menyekat peluang perniagaan kecil yang terdiri dari masyarakat Melayu sendiri.

Beliau menyifatkan tindakan UMNO untuk menaikkan tahap ekonomi umat Islam itu bagaikan angan-angan kosong semata-mata dan lebih bersifat untuk meraih undi ketika menjelang pilihanraya umum.

UMNO sebenarnya tidak boleh menjadi alternatif bagi membela umat Islam (Melayu) di sini kalau mereka masih mengamalkan sikap ‘cakap tak serupa bikin’, katanya.

Turut berucap di hari tersebut ialah Yang Dipertua PAS

Balik Pulau, Saudara Mohammad Hashim, Menurutnya, tujuan diadakan Pasar Negara ini ialah untuk memberi ruang kepada masyarakat peniaga di samping melepaskan belenggu penjajahan akibat dari sistem Barat.

● *Harakah*

PAS-PRM GABUNG TENAGA

Pulau Pinang: PAS Kawasan Balik Pulau dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) berjaya menyatukan tenaga menganjurkan Taman Selera Perpaduan bertapak di Pasar Negara, Sungai Tiram, Bayan Lepas Ahad lalu.

Program anjuran bersama ini merupakan julung kalinya diadakan di sini. Selain dari mewujudkan perpaduan ia juga bermatlamat sebagai simbolik ke arah pembangunan penjaja.

Keriangan yang di kecapi membuktikan bahawa PAS dan PRM utuh dalam apa juga walaupun kerap ditohmah dengan pelbagai fitnah. Kehadiran yang begitu ramai juga menggambarakan ia sudah diterima oleh rakyat di negeri ini.

Di antara pengisian program sehari suntuk itu ialah pameran, sukan serta ceramah penerangan selain daripada PRM mempamerkan sejarah sepanjang zaman pergerakannya turut serta ialah pameran dari polis anti narkotik.

Sementara itu pelbagai acara diketengahkan di antaranya ialah permainan dam, sepakraga, sepakraga bulatan, berpasukan serta mencari harta karun. Penyertaan yang begitu menggalakkan dari golongan muda menunjukkan kegiatan tersebut boleh menarik minat mereka mendekati perjuangan PAS.







Grand opening pasar besar di pasar Pasar Negara Ipoh. (Ditutupi, Pula Phing)



Grand opening pasar besar di pasar Pasar Negara.

Ketua Menteri Melayu: Pas sedia bantu BN

oleh ZAHN HABIB

PULAU PINANG - Pas Pulau Pinang telah berhasrat untuk bekerjasama dengan Barisan Nasional dalam membangunkan yang dikenali sebagai Pasar Negara di negeri ini. Ketua Menteri Melayu di negeri ini, Yusoff Ismail berkata demikian ketika berucap dalam sidang media selepas menghadiri majlis persembahan 'Pasar Negara' di Pulau Pinang. Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Pas Pulau Pinang sedia bekerjasama dengan Barisan Nasional dalam membangunkan yang dikenali sebagai Pasar Negara di negeri ini. Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

MEDESAK

Terdahulu, Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Terdahulu, Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Terdahulu, Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Terdahulu, Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.



Grand opening pasar besar di pasar Pasar Negara Ipoh.



Grand opening pasar besar di pasar Pasar Negara.

'Pasar Negara' anjuran Pas

PULAU PINANG - Pasar Negara anjuran Pas Pulau Pinang akan dibuka dengan penuh semangat oleh Yusoff Ismail, Ketua Menteri Melayu di negeri ini, pada 11 September ini. Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Yusoff Ismail berkata, beliau berharap agar kerjasama ini dapat membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Umat Islam dijemput lawat Kelantan

PULAU PINANG - Pimpinan Pas Kelantan mempunyai rancangan yang sangat hebat diwujudkan Kelantan bagi masyarakat Muslim yang beragama Islam.

Pimpinan Pas Kelantan mempunyai rancangan yang sangat hebat diwujudkan Kelantan bagi masyarakat Muslim yang beragama Islam.

Pimpinan Pas Kelantan mempunyai rancangan yang sangat hebat diwujudkan Kelantan bagi masyarakat Muslim yang beragama Islam.

Jaminan kerajaan PAS laksana hukum Islam

Bukan Islam jangan risau

Oleh ZAINI HASSAN

PULAU PINANG: Kerajaan Kelantan sekali lagi memberi jaminan kepada rakyat bukan Islam supaya tidak khuatir dengan dasar pemerintahan Angkatan yang memberi keadilan kepada semua pihak.

ADUN Gaaf, Encik Mohammad Hussin berkata, sebagai kerajaan yang cuba menghayati dasar Islam, Angkatan tidak akan menganiaya bukan Islam kerana "ia bertentangan dengan kehendak Allah".

Berucap di majlis perlancongan Pasar Negara di markas Pas Sungai Tiram, Bayan Lepas, Encik Mohammad berkata, Kerajaan Kelantan akan menjadikan pemerintahannya sebagai contoh yang boleh diikuti oleh negeri lain.

"Kita sedang berusaha untuk menjalankan pemerintahan yang bersih dan bukannya kerajaan yang sentiasa mengambil kesempatan dari kuasa yang kita miliki," ujarnya.

Bellau berkata usaha kerajaan negeri ini jelas dengan kemenangan calon Semangat 46 dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Limbongan dan Sungai Pinang baru-baru ini.

"Kita telah mencapai kemenangan yang paling bersih. Kita tidak mengambil peluang menjual kuasa yang ada pada kerajaan negeri untuk berkempen.



Adun Gaaf Ustaz Mohamad Hussin (songkok) bersama Ketua Pas bahagian Baik Pulau Hj. Mohamed Hashim (tengah) melawat sebuah gerai.

Malah jentera kerajaan negeri tidak terusik sedikit pun dalam pilihanraya kecil ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional yang menggunakan sepenuhnya kuasa dan jentera pusat untuk menang. Malah apa yang menyedihkan mereka sanggup memaksa pengundi di segenitengah kawasan supaya menyertai UMNO dengan pelbagai ugutan," kata bellau lagi.

Mehyentuh tentang ulasan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahawa kekatahan calon parti itu dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang dan Limbongan, "adalah kalah dalam menang", Encik Mohammad berkata tafsiran itu tidak akan memberi apa-apa kesan kepada kerajaan

an Kelantan.

Menurut bellau lagi kerajaan Kelantan juga akan menghidupkan semula negeri Kelantan sebagai 'Serambi Mekah' dan menjadikannya sebagai pusat pengetahuan dan perkembangan Islam seperti dahulu.

Bellau juga mengesyorkan pemimpin-pemimpin UMNO, MIC dan MCA yang menurut pendapatnya gagal memperjuangkan nasib kaum sendiri kerana terlalu terikat dengari dasar dan kuasa Barisan Nasional. Keadaan ini katanya amat berbeza dengan Pas yang mampu membela nasib umat Islam berbekalkan pendiriannya yang tersendiri dan tidak perlu tunduk serta terikat dengan mana-mana pihak.

PAS BALIK PULAU LANCAR PASAR NEGARA

Pelan Pintas: PAS Kawasan Balik Pulau dengan kerjasama Bahas Pembangunan PAS Negeri melalui Lajah Elwan dan Pembangunan Iktisad mengagapkan Pasar Negeri di Sungai Tiang, Seraya Layan pada 1 September ini.

Pasar yang diadakan dengan kerjasama pulas seperti ikan, sayuran, makanan, alat-alatan, buku-buku dan sebagainya merupakan projek penting dalam usaha membangkitkan ekonomi di sini.

Pasar ini dilaksanakan oleh Biro Perihal Pasar Tani dan Pasar Suci di Kuala Lumpur, Pusat Tani dan Sahabat Pasar Negeri di Ropex Waik.

Pasar Negeri yang bermula jam 7.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari setiap Ahad ini dianjurkan dengan kerjasama oleh AMI Dewan Usahawan Negeri (ADUN) Cend. Faridah Mohamad Haniffa merampas di Hutan Besar Kertau, Tanah Tinggi Nib. Akibat Azah Nib Mar yang telah dapat hasil di hari tersebut.

Seorang penjual di sini. Hasil.

Ahli Hiti Jami melabuhkan persembahkan larian dapat menjadikan persembahan di sini.

Kemungkinan, sebagai Pasar Negeri ini membolehkan masyarakat di sini membeli segala barangan yang dijual dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Sementara itu, Saifudin Abu Hassan Puteh pula merasai khas PAS Kawasan Balik Pulau kerana beranda memulakan ke arah ini yang rasmi dengan melancarkan Pasar Negeri.

Berikan yang rasmi akan di hari tersebut diadakan. Beliau sebagai kandi mendapat sambutan PAS yang menyempurnakannya sama melalui seruan tepat yang dijalankan.

Membantu seorang dari rumah, Puan Zahedi Azah mengagapkan ribuan terima kasih kepada PAS Kawasan Balik Pulau kerana mengadakan pasar sebegini, untuk membolehkan masyarakat membeli-beli dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Beliau lagi, akan mengagapkan masyarakat setempat dan masa untuk ke pekan.

Selain itu, YDP PAS Balik Pulau mengagapkan Program Lajah Elwan dan Pembangunan PAS Negeri, Saifudin Mohamad Haniffa mengagapkan dalam usahanya bahawa semua rakyat dalam pemerintahan ini telah boleh mempergunakan khidmat di kalangan orang Islam di sini yang masa dibelikan oleh kerajaan sekiranya (MS1).



Orang ramai berhadapan dengan gerai yang dibina di Pasar Negeri



Selamatan dan penjaja di Pasar Negeri



Demam dan demam di air dalam sungai di Pulau.



Petempatan orang-orang di Pulau Long Terengganu yang telah pindah ke pulau.

SUKAN RAKYAT PAS BALIK PULAU DAPAT SAMBUTAN HANGAT

Balik Pulau, Tuan Guru Wan-
san Long Terengganu yang dipin-
jam oleh PAS, Gerakan Pemuda
Bangsa Melayu dengan ter-
pilihnya Parti Rakyat Malaysia
(PRM) pada 14 Julai ini akan
mendekati pengagungan
kepada masyarakat di Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar.

Arahan akan memberi peng-
arahan kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar.

Beliau akan berkhidmat ke-
pada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar.

Terdar juga dengan masyarakat
di Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar.

Arahan mengenai long-
gangan yang akan diwujudkan
di Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar.

Beliau akan berkhidmat ke-
pada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar. Beliau akan berkhidmat
kepada masyarakat di Pulau
Long Terengganu dan Pulau
Terdar.

Terdar juga dengan masyarakat
di Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar.

Arahan mengenai long-
gangan yang akan diwujudkan
di Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar. Beliau akan ber-
khidmat kepada masyarakat di
Pulau Long Terengganu dan
Pulau Terdar.



Keputusan mengenai... dalam... pulau yang diwujudkan



Arahan... di pulau yang diwujudkan



Petempatan mengenai... di pulau yang diwujudkan




Keputusan mengenai... dalam... pulau yang diwujudkan



Petempatan mengenai... di pulau yang diwujudkan



Acara sapkrage bulanan memanti perhatian peserta.



Penaja sibuk melayani pelanggan yang datang.

PAS - PRM gabung tenaga

Pelan Pinnag: PAS Kawasan Balik Pulau dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) berjaya menubuhkan tenaga strategis jemaah Tindakan Selera Pinnagan bertempat di Pasar Negeri, Sungai Tirom, Bayan Lepas Abad lalu.

Program anjuran besama ini merupakan julung kalinya diadakan di sini. Setela dari mewujudkan perpaduan ia juga bermaksud sebagai simbolik ke arah pembahagian penaja.

Ketumpukan yang dikaputi membuktikan bahawa PAS dan PRM utuh dalam apa jua walaupun tetap ditubuhkan dengan pelbagai fihak. Kehadiran yang begitu rucut juga menunjukkan

ia sudah diterima oleh rakyat di negeri ini.

Di antara pengisian program adalah untuk itu ialah pemertua, sukam serta ceramah pemertua. Selain daripada PRM menunjukkan sejarah sepanjang zaman pengertukannya turut serta ialah pemertua dari polis anti narkotik.

Sementara itu pelbagai acara dikemungkinan di antaranya ialah pertandingan dari, sapkrage, arpekrage bulanan, berpasukan serta mencari harta karun. Pergerakan yang begitu menggabungkan dari golongan muda menunjukkan kegiatan tersebut boleh menarik minat mereka mendengar perjuang PAS.(MSS)

1950 - 2000
Sejarah Kebangkitan
Dan Masa Depan

PAS **KUASAI** **MALAYSIA?**

IBNU HASYIM

Sedang dalam penerbitan!

Harga : RM19.50

Tebal : 672 muka

BORANG PESANAN

Bersama-sama ini disertakan P.O./M.O.
sebanyak RM atas nama
GG Edar untuk pesanan buku bernombor:

1) naskhah RM

2) naskhah RM

3) naskhah RM

Potongan berjumlah RM

Sesudah potongan RM

Sila hantar kepada saya buku-buku yang
bertanda di atas dengan menggunakan
nama dan alamat di bawah:

Nama :

Alamat:

.....

.....

.....

.....